



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

PANDUAN
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
TATABAHASA
BAHASA MELAYU
MENENGAH ATAS

tatabahasa

bentuk kata

golongan kata

kata majmuk

KATA TUGAS

kerja adjektif

nama

kata majmuk

nama

kerja

kata terbitan

kata adjektif

bentuk kata tunggal



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH MENENGAH

**PANDUAN
PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN
TATABAHASA
BAHASA MELAYU
MENENGAH ATAS**

**Terbitan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Bahagian Pembangunan Kurikulum
2019**

Terbitan 2019

© Kementerian Pendidikan Malaysia

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam sebarang bentuk dan dengan cara apa-apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Aras 4-8, Blok E9, Parcel E, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62604 Putrajaya, Malaysia.

CIP/ISBN

ISBN 976-967-420- XXX-X

KANDUNGAN

Kata Alu-Aluan Pengarah.....	i
Pengenalan	iii
Objektif Buku	iv
Memo Kepada Guru	v
Panduan Penggunaan	vi
1.0 Kata Tunggal dan Kata Majmuk	1
2.0 Kata Terbitan	6
3.0 Kata Ganda dan Akronim	11
4.0 Golongan Kata Nama	19
5.0 Golongan Kata Kerja	26
6.0 Golongan Kata Adjektif	34
7.0 Golongan Kata Tugas.....	41
8.0 Frasa Nama, Frasa Kerja, Frasa Adjektif dan Frasa Sendi Nama	51
9.0 Ayat Dasar	59
10.0 Ayat Terbitan	67
11.0 Ayat Tunggal Susunan Biasa, Ayat Susunan Songsang Serta Ayat Majmuk	78
12.0 Ayat Penyata, Ayat Tanya, Ayat Perintah dan Ayat Seruan	91
13.0 Ragam Ayat	99
Penghargaan	107

KATA ALU-ALUAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera,

Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Bahagian Pembangunan Kurikulum telah berjaya menghasilkan Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Menengah Atas. Buku ini merupakan bahan sokongan untuk membantu guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah Atas untuk melaksanakan Aspek Tatabahasa sebagaimana yang dihasratkan dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5. Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu mementingkan pemahaman dan penguasaan murid terhadap peraturan atau sistem bahasa yang merangkumi morfologi dan sintaksis. Aspek ini perlu disampaikan mengikut konteks melalui pengajaran dan pembelajaran yang terancang dengan menggunakan teknik yang sesuai dan berkesan. Kaedah ini membolehkan murid memahami dan menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam lisan dan penulisan.

Buku ini mengandungi prinsip yang perlu dijadikan sebagai garis panduan agar guru dapat mengajar dan mencapai objektif pembelajaran berdasarkan standard pembelajaran yang ditetapkan dalam aspek tatabahasa. Prinsip tersebut digarap berdasarkan tema yang terdapat dalam DSKP Bahasa Melayu. Di samping itu, aspek nilai perlu diterapkan secara langsung atau tidak langsung dalam pengajaran dan pembelajaran. Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Menengah Atas ini perlu dijadikan sebagai rujukan dan panduan guru mata pelajaran Bahasa Melayu, KSSM Tingkatan 4 dan 5 bagi mencapai hasrat kurikulum.

Atas kesempatan ini juga, Bahagian Pembangunan Kurikulum mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Menengah Atas.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dr. Mohamed bin Abu Bakar

PENGENALAN



Buku Panduan Pengajaran dan Pembelajaran Tatabahasa Bahasa Melayu Menengah Atas dihasilkan bagi membantu guru memahami Aspek Tatabahasa yang terdapat dalam DSKP KSSM Bahasa Melayu. Guru perlu memahami kandungan buku panduan ini bagi memudahkan mereka merancang pengajaran dan pembelajaran aspek tatabahasa dengan berkesan.

Aspek Tatabahasa memfokuskan morfologi dan sintaksis bahasa Melayu yang perlu difahami dan dikuasai oleh murid. Aspek ini dilaksanakan melalui pengajaran yang terancang dan berdasarkan konteks melalui teknik yang sesuai dan berkesan supaya murid boleh menggunakan tatabahasa dengan betul dan tepat dalam lisan serta penulisan.

Kandungan buku panduan tatabahasa ini disusun mengikut urutan standard pembelajaran yang terdapat dalam DSKP. Setiap tajuk dalam buku ini mengandungi tema, nilai, definisi, cadangan dan contoh penggunaan tatabahasa, latihan pengukuhan dan cadangan aktiviti. Bahan rangsangan, latihan dan aktiviti yang disediakan merupakan panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran aspek tatabahasa. Guru boleh memilih tema, bahan, latihan dan aktiviti mengikut kesesuaian persekitaran dan latar belakang murid. Dalam mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan, menarik dan berkesan, guru perlu kreatif membuat perancangan dan bertindak sebagai fasilitator dalam melaksanakan aktiviti.

OBJEKTIF BUKU



Buku ini dihasilkan untuk membantu guru mencapai objektif yang berikut:

- i. Memahami modul aspek tatabahasa untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran menggunakan pendekatan modular dan berfokus.
- ii. Merancang menggunakan aspek tatabahasa dalam pengajaran dan pembelajaran dengan betul dan berkesan.
- iii. Mengaplikasi pelbagai strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.
- iv. Melaksanakan pengajaran dan pembelajaran yang kreatif dan bermakna.

MEMO KEPADA GURU

Menggunakan buku ini bersama-sama dengan DSKP KSSM Bahasa Melayu Tingkatan 4 dan 5.

Merujuk Tatabahasa Dewan edisi terkini sebagai pegangan dalam pengajaran dan pembelajaran.


Menetapkan objektif pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan pernyataan Standard Pembelajaran.

Melaksanakan aktiviti PdP yang menyeronokkan mengikut kreativiti.


Mengaplikasikan Prinsip 5P (penggabungan, penyerapan, penilaian, pengayaan dan pemulihan) dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Menggunakan pertimbangan profesional dalam mentaksir keupayaan murid dan menentukan tahap penguasaannya berdasarkan senarai standard prestasi bagi kemahiran mendengar dan bertutur, membaca dan menulis.

PANDUAN PENGGUNAAN



1.0 KATA TUNGGAL DAN KATA MAJMUK



STANDARD KANDUNGAN	
5.1 Memahami dan menggunakan bentuk kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.1.1 Menenal pasti dan menggunakan bentuk kata tunggal dan kata majmuk dengan betul mengikut konteks.	5.1.1 Mengaplikasi bentuk kata tunggal dan kata majmuk dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

1.1 Definisi

Kata Tunggal

Kata tunggal ialah perkataan yang tidak menerima sebarang imbuhan atau tidak mengalami proses pengandaan dan perangkaian.

Kata tunggal boleh terdiri daripada satu suku kata, dua atau lebih suku kata. Contoh: bah, ubi, pelajaran.

Kata tunggal dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu:

- i. Kata tunggal yang merupakan unit yang bebas dan dapat berdiri sendiri sebagai satu ayat. Contoh: Siapa?, Sudah, Gitar.
- ii. Kata tugas, iaitu unit yang tidak dapat berdiri sendiri tetapi memerlukan sekurang-kurangnya satu unit yang bebas untuk melaksanakan tugas nahunya. Contoh: Di, dari, pada, untuk.
- iii. Kata akronim, iaitu perkataan yang diterbitkan melalui proses penggabungan singkatan beberapa perkataan dan membentuk satu perkataan yang utuh. Contoh: NATO, cerpen, pawagam.

Kata Majmuk

Kata majmuk ialah perkataan yang dibentuk dengan merangkaikan dua kata dasar atau lebih dan perkataan baharu yang terbentuk membawa makna tertentu.

1.2 Penggunaan Kata Tunggal dan Kata Majmuk

i. Contoh penggunaan kata tunggal dan kata majmuk dalam teks

KKM Sahkan Suku Bateq Dijangkiti Demam Campak ***NINA FARZUIN MD SHAROM | 17 Jun 2019***

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan orang asli suku Bateq di Kuala Koh, Gua Musang, dijangkiti wabak *measles* atau demam campak.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pengesahan itu dibuat dengan berdasarkan hasil ujian makmal yang dilaksanakan.

Antara faktor utama wabak tersebut merebak di perkampungan itu ialah liputan imunisasi MMR yang sangat rendah, iaitu 61.5 peratus bagi dos pertama dan 30 peratus bagi suntikan dos kedua.

"Kekurangan zat makanan juga menyumbang kepada risiko jangkitan dan kejadian komplikasi," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Apabila membuat ulasan selanjutnya, beliau berkata, setakat 15 Jun lalu, sebanyak 170 daripada 185 atau 92 peratus orang asli Kuala Koh telah diperiksa status kesihatan mereka.

"Daripada jumlah itu, 112 kes dilaporkan kepada KKM termasuk tiga kematian terbaharu yang melibatkan seorang kanak-kanak berumur dua tahun enam bulan pada petang semalam di Hospital Raja Perempuan Zainab II kerana pneumonia sebagai akibat daripada komplikasi demam campak," katanya apabila memberikan maklum balas kepada pihak media.

Tambahan pula, menurutnya, KKM telah menjalankan beberapa tindakan pencegahan dan kawalan wabak di perkampungan orang asli tersebut. Kakitangan KKM telah melakukan carian kes secara aktif di perkampungan orang asli dan sekitarnya berdasarkan pergerakan mereka sebelum ini dan memberikan Vitamin A kepada kanak-kanak yang dirawat kerana demam campak.

"Liputan imunisasi kepada penduduk orang asli yang terlibat juga dipertingkatkan selain memberikan pendidikan kesihatan terutama penjagaan kebersihan diri. Pada masa yang sama, KKM mempertingkatkan Kawalan Pencegahan Jangkitan (IPC) di prasarana kesihatan dan sentiasa mengamalkan penggunaan alat perlindungan diri," katanya.

Dzulkefly berkata, semua Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) diarahkan untuk meningkatkan pengawasan jangkitan campak dan meningkatkan liputan imunisasi kepada orang asli di negeri masing-masing.

"JKN perlu membuat laporan dengan kadar segera kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan jika terdapat gejala atau kematian yang mempunyai gejala yang sama. Campur tangan daripada pelbagai pihak amat perlu untuk menangani krisis ini."

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga terus memantau perkampungan Kuala Koh untuk memastikan tiada pihak luar yang tidak berkenaan memasuki kawasan itu bagi mengelakkan penularan jangkitan. Kerjasama semua pihak untuk menangani masalah ini amat penting sekali," katanya lagi.

Dipetik dan diubah suai daripada
[https://www.sinarharian.com.my/article/32945/BERITA/Nasional/](https://www.sinarharian.com.my/article/32945/BERITA/Nasional/KKM-sahkan-suku-Bateq-dijangkiti-demam-campak)
KKM-sahkan-suku-Bateq-dijangkiti-demam-campak

Kata Tunggal	Kata Majmuk
<ul style="list-style-type: none"> • jumlah • kes • tidak • ini • yang • kerana • untuk • di • masalah • (mana-mana contoh lain daripada petikan) 	<ul style="list-style-type: none"> • orang asli • demam campak • ujian makmal • kakitangan • kerjasama • Menteri Kesihatan • campur tangan • Polis Diraja Malaysia • maklum balas

ii. Contoh penggunaan kata tunggal dan kata majmuk dalam bahan grafik

**PASTIKAN
MELINTAS JALAN**
di tempat yang selamat

Jejantas Lintasan Pejalan Kaki Berisyarat Lampu Isyarat Lintasan Pejalan Kaki Pulau Pelindung

**MELINTAS JALAN
DI TEMPAT LAIN**

- Jangan melintas jalan di antara kenderaan yang sedang diparkir atau berhampiran pokok dan semak – **pemandu mungkin tidak melihat anda.**
- Jangan melintas berhampiran selekoh atau di jalan raya puncak bukit.
- Pastikan anda boleh melihat kenderaan yang datang dari kedua-dua arah – **dan mereka boleh melihat anda.**

Sumber: talesoftheroad.direct.gov.uk | www.vicroads.vic.gov.au

#AndaMampuMengubahnya

JKR JKR Malaysia JKR Malaysia JKR Malaysia JKR Malaysia JKR Malaysia

Kementerian Pengangkutan Malaysia

Sumber: Laman web rasmi Jabatan Keselamatan Jalan Raya

Kata Tunggal	Kata Majmuk
<ul style="list-style-type: none"> • jalan • tempat • selamat • jejantas • pokok • semak • anda • selekoh • puncak • bukit • arah • boleh 	<ul style="list-style-type: none"> • lampu isyarat • lintasan pejalan kaki berisyarat • jalan raya • lintasan pejalan kaki • pulau pelindung

iii. Contoh kesalahan umum penggunaan kata majmuk

Salah	Betul	Penjelasan
kenalpasti	kenal pasti	Kata majmuk lazimnya dieja terpisah.
dikemas kinikan	dikemaskinikan	Apabila kata majmuk menerima imbuhan apitan, ejaannya dirapatkan.
penguatkuasa	penguat kuasa	Apabila kata majmuk menerima imbuhan awalan atau akhiran, ejaannya kekal dijarakkan.
dayaserapan	daya serapan	
campuradukkan	campur adukkan	
tanda tangan	tandatangan	Merupakan salah satu daripada 15 perkataan yang tergolong dalam kata majmuk yang sudah dianggap mantap dan dieja sebagai satu perkataan yang utuh. Contoh lain: <i>antarabangsa, beritahu, bumiputera, jawatankuasa, kakitangan, kerjasama, olahraga, matahari, setiausaha, sukarela, suruhanjaya, tanggungjawab, warganegara, pesuruhjaya..</i>

1.3 Latihan Pengukuhan

Gabungkan kata tunggal di bawah untuk membentuk kata majmuk yang tepat.

darah	lintah	kitar	nyamuk	titik	hayat	semula	putih
daging	jangka	adu	medan	berat	keledar	ubat	kawal
perang	topi	ambil	buta	tinggi	domba	darat	selia


Jawapan:

- i. darah tinggi
- ii. daging putih
- iii. medan perang
- iv. lintah darat
- v. jangka hayat
- vi. topi keledar
- vii. kitar semula
- viii. ubat nyamuk
- ix. adu domba
- x. ambil berat
- xi. titik buta
- xii. kawal selia

1.4 Cadangan Aktiviti

- i. Bina slogan berkaitan dengan tema keselamatan jalan raya secara berkumpulan. Slogan yang dibina perlu mengandungi kata tunggal dan kata majmuk yang bersesuaian dengan tema. Gunakan laras bahasa media massa dalam aktiviti ini.
- ii. "Masalah obesiti di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan."
Cipta sajak tentang isu obesiti. Sajak tersebut perlu menggunakan seberapa banyak kata tunggal dan kata majmuk yang dapat difikirkan dan bersesuaian dengan tema. Gunakan laras sastera dalam aktiviti ini.

2.0 KATA TERBITAN



STANDARD KANDUNGAN	
5.1 Memahami dan menggunakan bentuk kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.1.2 Mengenal pasti dan menggunakan pelbagai kata terbitan dengan betul mengikut konteks.	5.1.2 Mengaplikasi pelbagai kata terbitan dalam pelbagai laras dengan betul mengikut konteks.

2.1 Definisi

Kata Terbitan

Kata terbitan ialah bentuk perkataan yang dihasilkan melalui proses pengimbuhan, iaitu proses yang menggandingkan imbuhan pada kata dasar. Imbuhan pula dibahagikan kepada empat jenis, iaitu:

- awalan, yang hadir sebelum kata dasar
- akhiran, yang hadir sesudah kata dasar
- apitan, yang hadir secara mengapit kata dasar, iaitu dua bahagian imbuhan hadir serentak di awal dan di akhir kata dasar.
- sisipan, yang hadir di celah kata dasar, seperti *-el-*, *-em-*, *-er-*, *-in-*

2.2 Penggunaan Kata Terbitan

i. Contoh penggunaan kata terbitan dalam poster

HARI KEBANGSAAN 2018

TEMA

■ **LOGO**
Hasil ciptaan :
Nik Zulkifli Nik Hitam

Sayangi Malaysiaku

Simbol rakyat melakukan gerakan riang mengangkat tangan, dengan satu bentuk hati di hadapan **menyatukan** mereka

Membawa maksud warganegara Malaysia terdiri daripada **berbilang bangsa hidup dalam harmoni, seia sekata, bersatu padu & kasih sayang** kepada negara

■ **LAGU**
Hasil ciptaan :
Sam Bunkface

"Kita Punya Malaysia"
- Nyanyian Bunkface

ACARA

■ **PUTRAJAYA**
Perbarisan dan perarakan Hari Kebangsaan 2018 pada 31 Ogos

Sambutan Hari Kemerdekaan ke-61 bersejarah kerana pertama kali dirai di bawah tampuk kepimpinan kerajaan baharu

■ **PULAU PINANG**
Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan & Kibar Jalur Gemilang - di Padang Kota Lama, 3-5 Ogos

Kembara Merdeka Jalur Gemilang akan menjelajahi seluruh negara bermula 4 Ogos di Pulau Pinang dan tamat pada 31 Ogos di Putrajaya

Sumber: <https://www.permohonan.my/tema-hari-kebangsaan-malaysia/>

Imbuan Awalan	Imbuan Apitan	Imbuan Sisipan	Imbuan Akhiran
membawa sekata mengangkat bermula bersatu berbilang	melakukan pelancaran menyatukan kebangsaan perarakan perbarisan kemerdekaan kepimpinan	gemilang	ciptaan hadapan gerakan nyanyian sayangi

ii. Contoh penggunaan kata terbitan dalam bahan temu ramah / wawancara

Layari Youtube: <https://www.youtube.com/watch?v=IJINgeFV9zk>

PESTA ANGIN TIMUR



Sumber: <https://www.youtube.com/watch?v=IJINgeFV9zk>

Imbuan Awalan	Imbuan Apitan	Imbuan Sisipan	Imbuan Akhiran
penutup menangkap memancing mengail pengunjung peniaga pengarah bertamu berpesta	perasmian merasmikan kebudayaan kesenian mengeratkan pelancongan kerajaan kementerian penglibatan kebangsaan persekutuan perpaduan		kalangan jabatan imbasan

iii. Contoh kesalahan penggunaan kata terbitan

- a. Daun kelapa di tepi pantai itu kelihatan melambai-lambai apabila ditiupi angin pada waktu petang.

Salah	Betul	Penjelasan
ditiupi	ditiup	Ayat ini mengandungi kesalahan imbuhan kata kerja pasif “ditiupi”. Perkataan ini tidak memerlukan imbuhan apitan “di-...-i” kerana imbuhan kata kerja pasif “ <i>di-</i> ” sudah memberikan makna yang tepat, iaitu yang berasal daripada kata kerja aktif “meniup” dan bukannya “meniupi”. Perkataan “meniupi” merupakan bahasa percakapan yang membawa maksud “menyembur” (lazimnya merujuk perlakuan bomoh yang memanterai seseorang).

- b. Mak Minah sedang memberikan kucingnya makanan berupa bijirin.

Salah	Betul	Penjelasan
memberikan	memberi	Penggunaan kata “memberikan” salah kerana perkataan tersebut membawa maksud “menyerahkan sesuatu”. Hal ini bermakna objek kepada kata kerja transitif “memberikan” mesti merupakan benda atau perkara dan bukannya penerima (objek bernyawa). Oleh hal yang demikian, perkataan “memberi” mesti digunakan kerana objek yang mengikutinya, iaitu “kucing” merupakan penerima (objek bernyawa).

- c. Kerja-kerja memperlebarkan jalan di kampung saya sedang giat dijalankan.

Salah	Betul	Penjelasan
memperlebarkan	memperlebar atau melebarkan	Kata adjektif tidak boleh menerima imbuhan apitan <i>memper-...kan</i> . Contoh kesalahan lain adalah seperti “mempercepatkan”, “memperbesarkan”, “mempercantikkan” dan sebagainya. Perlu juga ditegaskan bahawa imbuhan <i>per-</i> membawa makna <i>lebih</i> , iaitu “memperlebar” bermaksud menjadikan sesuatu lebih lebar. Walau bagaimanapun, kekeliruan sering berlaku bagi perkataan “memperkasakan” (betul) yang ditulis sebagai “memperkasa” (salah) kerana kata dasar perkataan ini ialah “perkasa” dan bukannya “kasa”.

2.3 Latihan Pengukuhan

Dalam petikan di bawah ini, terdapat **empat** kesalahan tatabahasa. **Gariskan empat kesalahan** tersebut dan **tulis jawapan** pada ruangan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Aspek sosial juga mempengaruhi murid merokok. Alasan utama ialah tekanan oleh rakan sebaya. Kebanyakan daripada mereka mencabar oleh rakan untuk merokok. Murid yang dilibat biasanya terdorong untuk merokok sebagai syarat wajib sebelum diterima dalam sesuatu kumpulan. Antara faktor sosial yang lain termasuklah murid mencontoh ibu bapa, penjaga dan saudara-mara yang merokok.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____


Jawapan

Salah	Betul
mempengaruhi mencabar dilibat mencontoh	mempengaruhi dicabar terlibat mencontohi

2.4 Cadangan Aktiviti

- i. Cipta satu perenggan cerpen berdasarkan kata terbitan yang diberikan dengan menggunakan laras sastera atau kreatif dalam aktiviti ini.
- ii. Tulis iklan menggunakan kata terbitan yang disenaraikan dengan menggunakan laras iklan atau peniagaan dalam aktiviti ini.

3.0 KATA GANDA DAN AKRONIM



STANDARD KANDUNGAN	
5.1 Memahami dan menggunakan bentuk kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.1.3 <u>Mengenal pasti</u> dan <u>menggunakan</u> bentuk kata ganda dan akronim dengan betul mengikut konteks.	5.1.3 Mengaplikasi bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

3.1 Definisi

Kata Ganda

Kata ganda ialah perkataan yang terbentuk melalui proses mengulang atau menggandakan kata dasar. Dalam bahasa Melayu terdapat tiga jenis penggandaan, iaitu penggandaan penuh, penggandaan separa dan penggandaan berentak.

Akronim

Kata akronim ialah perkataan yang terbentuk dengan

- i. menggabungkan huruf awal suku kata, atau
- ii. menggabungkan huruf awal dan suku kata, atau
- iii. menggabungkan huruf awal dan suku kata daripada rangkaian kata sehingga **terbentuk perkataan baharu yang ditulis dan dilafazkan sebagai perkataan yang utuh.**

Kata akronim tergolong sebagai kata tunggal.

3.2 Penggunaan Kata Ganda dan Akronim

- i. Contoh penggunaan kata ganda dalam sajak

Tanah, Pepohon dan Lurah

Karya: Joseph Selvam


Beri aku
sebidang tanah
seluas tapak tangan
bersama pepohon yang menari-nari
bersama serangga buas dan ganas
subur atas segala kesuburan
indah atas segala keindahan!

Jejariku hendak berenang-renang
berputar dengan pepohon yang basah
di atas timbunan lagu-lagu kepujian
selembut sutera
betapa suburnya ia dari tanah-tanah
melambai-lambai ke kiri dan ke kanan
bersama merdu nian sepoi angin
di tepi lembah lurah
penuh dengan madu maha manis!

Di lembah lurah tanah merkah itu
angin lembut membisikkan cinta murni
mata melihat pantai kasih di bibir lurah
besi wajah asyik menari-nari di tengah lurah
sebebas-bebas hatinya
hingga tangan sopan
menariknya perlahan-lahan
tersandar di dadanya

Tanah bersama pepohon dan lurah
besi waja atas kapal membakar
dalam tenang laut kecintaan
bisa jua menjadi teman hidup manusia
dan hidup cuma untuk sendiri-sendiri

Diubah suai daripada antologi sajak *Tanah Airku*,
(Selenggaraan Zalila Sharif dan Hasni Abas),
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005.



ii. Contoh penggunaan kata akronim

Aktiviti Rakan Alam Sekitar

Aktiviti-aktiviti Rakan Alam Sekitar (RAS) meliputi pelaporan atau aduan mengenai kes-kes pencemaran dan kerosakan alam sekitar kepada agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan, melaksanakan program pencegahan, mengawal pencemaran, memperindah alam sekitar, dan memperhebat kempen pendidikan dan kesedaran alam sekitar. Pelbagai aktiviti yang memanfaatkan inovasi sains dan teknologi juga akan dilaksanakan bagi melestarikan alam sekitar. Usaha murni ini akan digerakkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Antara program RAS yang turut dilaksanakan menerusi Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar JAS adalah seperti yang berikut:

1. Program Jelajah Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar (JJMRAS)
2. Program Projek Wira Alam
3. Program Sambutan Hari Bumi (Bersempena dengan Hari Bumi pada 22 April setiap tahun)
4. Program Sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia (MASM) (Bersempena dengan Minggu Alam Sekitar Malaysia pada 21 Oktober hingga 27 Oktober setiap tahun dan Hari Alam Sekitar Malaysia pada 21 Oktober)
5. Program Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)
6. Program Anugerah Langkawi
7. Program Sebaran dan Hebahan Maklumat mengenai Alam Sekitar menerusi Penerbitan dan Media
8. Program Debat Alam Sekitar antara Institusi Pengajian Tinggi Anjuran Bersama Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (Madum)
9. Program Kesedaran Alam Sekitar (Penanaman pokok, konservasi alam dan lain-lain termasuk inisiatif dengan Jabatan Perhilitan)
10. Sukarelawan RAS dalam penganjuran Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar

Sesungguhnya, program murni seumpama ini wajar dilaksanakan terhadap murid-murid termasuklah murid tadika supaya kesedaran generasi muda tentang kemaslahatan pelestarian alam sekitar dapat ditingkatkan dari awal lagi, bak kata peribahasa, melentur aur biarlah dari rebungunya. Sehubungan dengan itu, lebih banyak aktiviti menarik seperti pertandingan menulis cerpen bertemakan alam sekitar boleh dianjurkan dengan kerjasama Gapena. Bukan itu sahaja, pertandingan berunsurkan kesenian dan muzik seperti kugiran, drama, dan koir juga wajar diadakan. Usaha-usaha ini penting kerana berdasarkan statistik,

secara purata, 13.5 juta tan sampah dihasilkan di negara ini setiap tahun. Padahal, bilangan rakyat Malaysia yang mengamalkan kitar semula hanya 15 peratus. Keadaan ini diburukkan lagi oleh sikap sebilangan rakyat, baik yang muda mahupun yang tua, tidak mengira jantina dan kumpulan etnik yang tidak memperlihatkan kesungguhan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar. Untuk memugar keadaan alam sekitar kita, pelbagai inovasi hasil daripada penyelidikan secara saintifik berbantuan teknologi canggih juga mesti diusahakan oleh pihak yang berkenaan. Sebagai contohnya, teknologi untuk kitar semula bahan yang tidak terbiodegradasikan seperti polistirena perlu dicipta untuk menangani pelbagai implikasi negatif yang disebabkan oleh masalah alam sekitar. Kejadian bah yang serius saban tahun juga berkait rapat dengan kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar. Masalah asbut atau jerebu yang menyelubungi ruang udara juga berpokok pangkal daripada kealpaan kita sendiri.

Dipetik dan diubah suai daripada maklumat dalam laman web Jabatan Alam Sekitar Malaysia

Akronim	
RAS - Rakan Alam Sekitar JAS - Jabatan Alam Sekitar	Kata Nama Akronim Cantuman Huruf Awal Perkataan
Madum - Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia	RAS, JAS
Perhilitan - Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara	Kata Akronim Campuran Huruf dan Suku Kata Perkataan
Tadika - taman didikan kanak-kanak	Madum, Perhilitan
Cerpen - cerita pendek	Kata Akronim Cantuman Suku Kata Awal Perkataan
Gapena - Gabungan Penulis Nasional	tadika, cerpen, Gapena, kugiran
Kugiran - kumpulan gitar rancak	Kata Akronim Cantuman Bahagian Awal Perkataan Pertama dengan Bahagian Lain Perkataan
Purata - pukul rata	purata, jantina, asbut
Jantina - jantan betina	
Asbut - asap kabut	



Yang berikut **BUKAN** akronim. Tahukah anda mengapa?

JJMRAS – Jelajah Jejak Mesra Rakan Alam Sekitar

MASM – Minggu Alam Sekitar Malaysia

SLAAS – Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar

** rujuk definisi Akronim*

iii. Contoh kesalahan umum penggunaan kata ganda

Salah	Betul	Penjelasan
Lemah-longlai	Lemah longlai	Lemah longlai ialah kata majmuk yang bermaksud gerak berliuk-liuk yang elok dan bukannya kata ganda.
Sayur mayur	Sayur-mayur	Sayur-mayur ialah kata ganda dan dengan itu memerlukan tanda sempang kerana perkataan “mayur” tidak mempunyai maksud yang membolehkannya berdiri sendiri.
Sampah-sarap	Sampah sarap	“sarap” bermaksud kotoran seperti debu yang halus-halus. Ini bermakna perkataan “sarap” boleh berdiri sendiri. Maka, “sampah sarap” ialah kata majmuk yang bermaksud pelbagai jenis sampah dan bukannya kata ganda.
kerusi kerusi	Kerusi-kerusi	Semua perkataan yang mengalami penggandaan penuh dieja dengan menggunakan tanda sempang.
Mengucar-kacirkan	mengucar-ngacirkan	Perubahan huruf <i>k</i> kepada huruf <i>ng</i> bagi kata ganda berentak turut berlaku pada kata selepas tanda sempang semasa proses pengimbuhan sekiranya kata tersebut juga bermula dengan huruf yang sama.
Kertas kerja-kertas kerja	Kertas-kertas kerja	Penggandaan kata nama majmuk dieja secara terpisah dan hanya perkataan pertama yang perlu digandakan.
Suruhan-suruhanjaya	Suruhanjaya-suruhanjaya	Untuk kata majmuk yang dieja bercantum (kata majmuk mantap), seluruh perkataan perlu digandakan.
Daun-daun yang berguguran...	Daun yang berguguran	Imbuhan ber-...-an membawa maksud jamak.

iv. Kesalahan umum penggunaan kata akronim

Salah	Betul	Penjelasan
Kumpulan kugiran itu terdiri daripada enam orang ahli.	Kugiran itu terdiri daripada enam orang ahli.	“kugiran” ialah akronim bagi ungkapan “kumpulan gitar rancak”. Perkataan “kumpulan” dalam ayat tersebut tidak diperlukan lagi.
Adun Zon Damansara	ADUN Zon Damansara	Akronim yang terbentuk daripada cantuman huruf awal perkataan seperti A hli D ewan U ndangan N egeri wajib dieja dengan huruf besar untuk setiap huruf pertama sekiranya jenisnya kata nama khas.

Salah	Betul	Penjelasan
ASWARA	Aswara	Untuk akronim yang terbentuk daripada campuran huruf dan suku kata perkataan, hanya huruf pertama yang dieja huruf besar jika kata tersebut Kata Nama Khas. Contoh: <u>A</u> kademi <u>S</u> eni dan <u>W</u> arisan

3.3 Latihan Pengukuhan

- i. Petikan di bawah ini mempunyai beberapa perkataan yang perlu digandakan. Kenal pasti perkataan tersebut dan berikan gandaan yang sesuai.

Intan Syazleen berlari anak menuju ke rumah Tok Penghulu. Ketika itu, Tok Penghulu sedang duduk di anjung rumah sambil membaca surat khabar. Beliau terkejut melihat Intan Syazleen yang bergegas memasuki pekarangan rumahnya. Gadis itu nyaris terlanggar pasu bunga yang terletak di tepi pintu rumahnya. Nafasnya termengah. Apabila dia mula bercakap suaranya putus. Menurut Intan Syazleen, ibunya yang sering sakit itu sudah tidak sedarkan dirinya.

Jawapan:

Perkataan yang perlu digandakan	Penggandaan
berlari	berlari-lari
duduk	duduk-duduk
nyaris	nyaris-nyaris
termengah	termengah-mengah
putus	putus-putus

- ii. Isi tempat kosong di bawah dengan kata ganda yang sesuai. Anda boleh memberikan imbuhan sekiranya perlu.

Anak-anak muda yang sedang (mandi) di sungai itu lari (lintang)..... apabila mendengar bunyi ngauman itu. Mereka bukannya tidak mengetahui haiwan yang menghuni belantara di kawasan (gunung)..... itu, malah Yusof Ariff yang berbadan sedikit gempal itupun mampu mengheret tubuhnya meninggalkan tempat itu dengan pantas. Cuma Fareez Izuan yang masih (cari)..... kaca matanya. Keadaan pada mulanya yang begitu ceria bertukar menjadi (huru)..... dalam sekelip mata.

Jawapan:

Perkataan	Penggandaan
mandi	mandi-mandi
lintang	lintang-pukang
gunung	gunung-ganang
cari	tercari-cari
huru	huru-hara

iii. Betulkan kesalahan bahasa dalam ayat yang berikut.

- a. Semua kanak itu masih bermain di luar rumah meskipun hujan sudah mulai turun.
- b. Encik Samad membuat bayaran dengan menggunakan kad kredit selepas membeli belah di pasar raya.
- c. Kami berasa terpegun melihat kelawar-kelawar yang bergayutan pada dinding gua Gua Niah.
- d. Pemain pemain Cameroon melakukan protes terhadap pengadil yang mengesahkan jaringan kedua England yang pada awalnya dikatakan ofsaid.
- e. Pengguna lebu raya akan menerima manfaat, iaitu penjimatan bayaran tol susulan daripada pengambil-alihan empat batang lebu raya utama oleh pihak kerajaan.
- f. Surat khabar-surat khabar yang sudah dibaca oleh ayah telah dihantar ke pusat kitar semula.
- g. Ibu-ibu bapa yang menghadiri mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru dihidangi mihun dan kopi.
- h. Pemimpin itu berjanji untuk menunaikan apa yang dijanjkannya dalam pilihan raya yang lepas.

Jawapan:

- | | |
|------------------|-----------------------|
| a. kanak-kanak | e. pengambilalih |
| b. membeli-belah | f. surat-surat khabar |
| c. kelawar | g. ibu bapa |
| d. pemain-pemain | h. apa-apa |

iv. Pilih ejaan yang tepat untuk akronim-akronim yang berikut:

- a. Berita Nasional Malaysia
A. BERNAMA B. Bernama
- b. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
A. Jakim B. JAKIM
- c. Universiti Pendidikan Sultan Idris
A. Upsi B. UPSI
- d. Sijil Pelajaran Malaysia
A. Spm B. SPM C. S.P.M.
- e. Alam dan Tamadun Melayu
A. ATMA B. ATM C. Atma D. AdTM
- f. Institut Tadbir Awam Negara
A. Intan B. INTAN C. ITAN D. I.T.A.N.

Jawapan:

- | | | |
|------|------|------|
| a. B | c. B | e. C |
| b. A | d. B | f. A |

v. Tulis akronim untuk rangkai kata yang berikut :

Rangkai Kata	Akronim
a. debu bunga	
b. jambatan jalan atas	
c. panggung wayang gambar	
d. jentera tolak	
e. Pertubuhan Keselamatan Sosial	
f. jenis nama	
g. sukan aneka	

Jawapan:


- a. debunga
- b. jejantas
- c. pawagam
- d. jentolak
- e. Perkeso
- f. Jenama
- g. sukaneka

3.4 Cadangan Aktiviti

- i. Cipta puisi dengan menggunakan seberapa banyak kata ganda yang dapat difikirkan dan bersesuaian dengan tema. Gunakan laras sastera atau kreatif dalam aktiviti ini.
- ii. Kuiz ejaan kata akronim. Seterusnya, bina ayat dengan menggunakan akronim tersebut. Gunakan laras bahasa yang sesuai dalam aktiviti ini.
- iii. Berdasarkan kartun di bawah, bina dialog secara kreatif dengan menerapkan kata ganda dalam dialog tersebut.



4.0 GOLONGAN KATA NAMA



STANDARD KANDUNGAN	
5.2 Memahami dan menggunakan golongan kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.2.1 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata nama dengan betul mengikut konteks.	5.2.1 Memahami dan menggunakan golongan kata nama dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

4.1 Definisi

Golongan Kata Nama

- i. Golongan kata nama merangkumi sejumlah perkataan yang dapat menjadi unsur inti dalam binaan frasa nama dan lazimnya golongan kata ini menamakan orang, haiwan, tempat, benda atau konsep.
- ii. Golongan kata nama dibahagikan kepada:
 - a. Kata nama khas
 - b. Kata nama am
 - c. Kata ganti nama
- iii. Cara mengenal pasti golongan kata nama:
 - a. Kata nama didahului oleh kata bilangan, penjodoh bilangan atau kedua-duanya.

Kata Bilangan/Penjodoh Bilangan	Kata Nama
tiga	hari
dua ekor	kucing

- b. Kata nama diikuti oleh kata ganti nama tunjuk *ini* atau *itu*.

Kata Nama	Kata Ganti Nama Tunjuk
rumah	ini
peristiwa	itu

- c. Kata nama didahului oleh kata sendi nama atau didahului oleh kata sendi nama dan kata arah.

Kata Sendi Nama	Kata Nama
di	sekolah saya
pada	Hari Isnin

Kata Sendi Nama	Kata Arah	Kata Nama
dari	-	Kuala Lumpur
dari	selatan	Kuala Lumpur

4.2 Penggunaan Kata Nama

- i. Contoh Penggunaan Kata Nama



PAMERAN PERTANIAN, HORTIKULTUR DAN AGROPELANCONGAN MALAYSIA (MAHA)

DIRASMIKAN OLEH :
YAB TUN DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
PERDANA MENTERI MALAYSIA

PADA : 22 NOVEMBER 2018 (KHAMIS)

TEMPAT : TAPAK MALAYSIA AGRO EXPOSITION PARK SERDANG (MAEPS)
SERDANG, SELANGOR

- Empayar makanan
- Agroteknologi di Laman Perikanan
- Jualan dari Butik Agromas
- Arca Bunga Besar di Laman Florikultur
- Pameran anak lembu Australia Wagyu di Laman Ternakan
- Teknologi akuakultur



- ❖ Menampilkan pelbagai produk baharu berkaitan pertanian yang bersandarkan teknologi terkini, inovasi tempatan dan luar negara.
- ❖ Landasan terbaik bagi masyarakat petani, penternak, nelayan dan usahawan industri asas tani untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan masing-masing kepada umum.
- ❖ Platform untuk menarik minat golongan muda khususnya untuk menceburi bidang pertanian dan menyemai semangat keusahawanan dalam minda mereka.

Kata Nama Am	Kata Nama Khas	Kata Ganti Nama
a. tapak b. pameran c. tempat d. makanan e. produk f. negara (<i>mana-mana contoh lain daripada petikan</i>)	a. Selangor b. Perdana Menteri c. YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad d. Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) (<i>mana-mana contoh lain daripada petikan</i>)	mereka

ii. Contoh Penggunaan Golongan Kata Nama

Balada Terbunuhnya Beringin Tua di Pinggir Sebuah Bandar Raya

Beringin tua di pinggir jalan raya
 di sebuah ibu kota yang setengah muda
 ratusan tahun usianya berdiri
 menadah matari memayungi bumi
 burung-burung berterbangan menyanyi
 di sini rumah mereka, di sini keluarga bahagia
 kupu-kupu berkejaran dalam senda guraunya
 anak-anak bermain di keteduhan perdunya.

Tiba-tiba pagi yang hitam itu datang
 gergasi teknologi menyerangnya
 dengan kejam membenamkan gigi-gigi besi
 sehingga terdengarlah jeritan ngeri
 suara Beringin rebah ke bumi.

Sampai sekarang, tiap senjakala lembayung petang
 dengarlah suara Beringin mengucapkan pesan:

Selamat tinggal, selamat tinggal wahai awan
 Selamat tinggal matari selamat tinggal bulan
 Selamat tinggal kupu-kupu sayang
 Selamat tinggal wahai burung-burung bersarang
 Selamat tinggal anak-anak bermain riang.

Namaku Beringin pohon tua yang terbang
 dimusuhi oleh rancangan bernama Pembangunan.

~ Usman Awang ~



a. Kata Nama Khas dan Kata Nama Am

Kata Nama Khas	Beringin
Kata nama Am	jalan raya, matari, bumi, burung-burung, anak-anak, kupu-kupu, bulan, awan, pagi, gergasi teknologi, pohon tua, pembangunan, pagi, gigi-gigi besi, lembayung, petang, rumah, mereka

b. Kata Nama didahului oleh kata bilangan, penjodoh bilangan atau kedua-duanya.

Kata Bilangan/Penjodoh Bilangan	Kata nama
setengah	muda
ratusan	tahun

c. Kata Nama didahului oleh kata sendi nama atau Kata sendi nama diikuti oleh Kata Arah

Kata Sendi nama	Kata Nama
ke	bumi


Kata Sendi Nama	Kata Arah/ penjodoh bilangan	Kata Nama
di	sini	rumah mereka
di	sebuah	Ibu kota

iii. Contoh kesalahan umum penggunaan golongan kata nama


Salah	Betul	Penjelasan
Adham dan Izhar memancing di Sungai .	Adham dan Izhar memancing di sungai .	Dalam penulisan, huruf pertama kata nama am mestilah huruf kecil kecuali pada pangkal ayat.
Kakak saya belajar di universiti malaya .	Kakak saya belajar di Universiti Malaya .	Dalam penulisan, huruf pertama kata nama khas mestilah ditulis dengan huruf besar.
Kucing itu sangat lembut bulunya. la sangat manja.	Kucing itu sangat lembut bulunya. Kucing itu sangat manja.	Kata ganti nama diri <i>mereka</i> dan <i>ia</i> tidak boleh digunakan untuk merujuk binatang, benda dan perkara/konsep.
Penagihan dadah dalam kalangan murid perlu dibanteras kerana dikhuatiri ianya kian menular.	Penagihan dadah dalam kalangan murid perlu dibanteras kerana dikhuatiri masalah ini kian menular.	Kata ganti nama diri ketiga <i>ia</i> dan <i>nya</i> tidak boleh digabungkan menjadi <i>ianya</i> .

4.3 Latihan Pengukuhan

i. Lengkapkan golongan kata nama di bawah dengan tepat.



Jawapan



ii. Bina ayat yang gramatis berdasarkan kata nama yang berikut;

- a. matahari
- b. bumi
- c. burung-burung
- d. anak-anak
- e. kupu-kupu
- f. bulan

iii. Susun perkataan untuk membentuk kata nama yang bermaksud bekas kecil.

UUKCP	➔					
UEKCP	➔					
UAKCP	➔					
UACKP	➔					
UUCKP	➔					

Bermaksud
bekas kecil

--	--	--	--	--

Jawapan

UUKCP	➔	C	U	K	U	P
UEKCP	➔	C	E	K	U	P
UAKCP	➔	C	U	P	A	K
UACKP	➔	C	A	K	U	P
UUCKP	➔	P	U	C	U	K

Bermaksud
bekas kecil

C	E	P	U	K
---	---	---	---	---

4.4 Cadangan Aktiviti

- i. Bina satu perenggan yang lengkap dengan menggunakan perkataan yang diberi. Gunakan laras rencana dalam aktiviti ini.


universiti	mahasiswa	negara	kecemerlangan	wawasan
------------	-----------	--------	---------------	---------

- ii. Bina dua rangkap pantun yang bertemakan alam sekitar. Pantun yang dicipta hendaklah menggunakan kata nama yang berkaitan alam sekitar sebagai pembayang maksud atau maksud. Gunakan laras sastera atau kreatif dalam aktiviti ini.

Contoh pantun

Gunung Banang menggapai **awan**,
Indah suasana di ufuk **mega**;
Bijak merancang pacu kemajuan,
Negara sejahtera **alam** terjaga.

5.0 GOLONGAN KATA KERJA



STANDARD KANDUNGAN	
5.2 Memahami dan menggunakan golongan kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.2.2 <u>Mengenal pasti</u> dan <u>menggunakan</u> golongan kata kerja dengan betul mengikut konteks.	

5.1 Definisi

Golongan kata kerja

Kata kerja merupakan salah satu golongan kata yang digunakan untuk **menyatakan makna perbuatan** atau **perlakuan**. Kata kerja biasanya didahului oleh kata bantu.

5.2 Penggunaan Kata Kerja

- i. Contoh penggunaan kata kerja dalam rencana

Tabiat Berhutang Orang Muda Membimbangkan

Nabila Yasmin Razib

Semakin banyak rakyat Malaysia mengalami masalah kewangan yang serius disebabkan oleh pengetahuan kewangan yang lemah, boros dan tabiat kewangan yang buruk sekali gus membawa kepada pengurusan kewangan yang tidak bertanggungjawab.

Biarpun pelbagai data telah dikeluarkan, statistik penggunaan kad kredit dan tabiat berhutang golongan muda dilihat terus meningkat dengan yang terbaharu, sebanyak 47 peratus belia Malaysia menanggung hutang kad kredit yang tinggi manakala 38 peratus dikenal pasti membuat pinjaman peribadi.



Selain itu, menurut Bank Negara Malaysia (BNM), lebih daripada 3,400 individu yang berusia antara 20 hingga 30 tahun telah mendapatkan kaunseling dan bantuan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK).

Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini juga, individu yang berumur antara 25 hingga 44 tahun merupakan kumpulan umur paling tinggi yang diisytiharkan muflis.

Sejak penubuhan AKPK pada tahun 2006, 619,000 orang pengguna telah menghadiri khidmat kaunseling AKPK dan daripada jumlah tersebut, 195,000 orang telah mendaftar dalam program pengurusan hutang mereka.

Daripada 195,000 orang itu pula, AKPK telah membantu 14,000 orang untuk menyelesaikan hutang mereka yang berjumlah RM 593 juta sepenuhnya.

Menurut statistik AKPK juga, antara punca utama permasalahan hutang ialah perancangan kewangan yang lemah. Hal ini menunjukkan kadar keberhutangan dalam kalangan generasi muda hari ini semakin membimbangkan.

Menurut Pakar Ekonomi Mikro, Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Loke Yiing Jia, program pendidikan kewangan mestilah diterapkan sepanjang hayat dengan modul yang berbeza diajarkan pada peringkat umur yang berbeza dan bukan hanya diajarkan pada peringkat kanak-kanak atau sekolah menengah.

Jelasnya, pendidikan kewangan harus bermula pada usia yang muda, dengan penekanan yang berbeza diberikan dalam setiap peringkat kehidupan.

Kenyataan Yiing Jia adalah benar memandangkan kehidupan dan perbelanjaan murid sekolah menengah atau graduan universiti berbeza dengan golongan muda yang baru memulakan pekerjaan. Belia yang baru bekerja mungkin mendapati pendidikan kewangan lebih relevan dengan kehidupan mereka berbanding sewaktu zaman persekolahan mereka.

Namun, masalah mulai timbul apabila mereka meninggalkan dunia persekolahan lalu memasuki alam pekerjaan. Lazimnya, sukar untuk mereka menghadiri kursus pendidikan kewangan melainkan diwajibkan oleh majikan.

Jadi, adakah kesedaran mengenai pendidikan kewangan merupakan tanggungjawab pihak luar atau diri sendiri?

Belia disarankan untuk mengambil langkah-langkah yang difikirkan perlu supaya tidak menjadi sebahagian daripada statistik yang membimbangkan itu.

Masa hadapan satu tempoh yang sangat panjang dan bebanan yang ditanggung hasil daripada hutang kad kredit dan pinjaman peribadi yang melambung tinggi hanya akan menjadi penghalang kepada pembangunan kerjaya dan diri mereka.

Sumber: <http://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/tabiat-berhutang-orang-muda-membimbangkan-1.743258>

Kata Kerja
menanggung mengalami dikenal pasti menghadiri menyelesaikan diterapkan diajarkan melambung
(contoh-contoh lain daripada petikan)

ii. Contoh penggunaan kata kerja dalam teks

Langkah Mendorong dan Membangunkan Sektor Pelancongan Malaysia

Kewujudan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di kawasan-kawasan luar bandar juga dapat membantu meningkatkan sektor pelancongan melalui pertanian dan perikanan. Kita sedia maklum bahawa IKS memerlukan bahan-bahan mentah untuk proses pengeluaran kilang mereka. Biasanya bahan-bahan mentah ini adalah daripada hasil pertanian, perikanan atau perhutanan. Tamsilnya, kilang yang membuat keropok memerlukan hasil tangkapan laut, manakala kilang kerepek pula memerlukan hasil pertanian seperti ubi, keladi, pisang, jagung dan lain-lain. Secara tidak langsung, aktiviti pertanian dan perikanan turut meningkat di kawasan tersebut. Hasil pertanian sara diri penduduk kampung yang selama ini sukar untuk dipasarkan, kini telah menjadi rebutan para pengusaha IKS.

Hukum ekonomi menjelaskan bahawa kadar permintaan mempengaruhi penawaran dan harga barangan. Sebagai implikasinya, harga barang mentah pertanian seperti ubi, pisang, keledak dan keladi akan meningkat. Secara tidak langsung, sektor pertanian juga akan meningkat. Hal ini diperkukuh lagi dengan dasar kerajaan yang memberikan perhatian serius untuk meningkatkan pendapatan petani dan nelayan. Oleh hal yang demikian, dalam usaha memenuhi permintaan IKS terhadap bahan mentah yang semakin meningkat, kerajaan melalui agensi-agensi pertanian seperti FAMA, MARDI, PELADANG dan sebagainya telah

memberikan khidmat kepakaran dan subsidi kewangan kepada para petani dan nelayan. Jadi, IKS ini merupakan serampang dua mata kerana kewujudannya bukan sahaja dapat meningkatkan ekonomi malahan dapat membasmi kadar kemiskinan rakyat di negara kita ini.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa melancong ke Malaysia umpama telah melancong ke separuh dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana, di Malaysia terdapat pelbagai kesenian dan budaya daripada penduduk pelbagai bangsa dan agama. Kewujudan IKS dapat meningkatkan sektor pelancongan di negara kita. Kita sedia maklum bahawa para pelancong suka membeli kraf tangan untuk dibawa pulang. Sebenarnya, di Malaysia terdapat banyak barangan kraf tangan daripada pelbagai etnik dan kaum yang menjadi warganegara Malaysia. Sebagai contoh, terdapat perusahaan membuat tembikar, pasu bunga, ukiran, labu sayung, batik, songket, tikar, bakul barangan hutan dan lain-lain lagi. Hasil kraf tangan melambangkan identiti serta jati diri negara. Para pelancong membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk membeli kraf tangan ini sebagai cenderamata kenang-kenangan atau hadiah kepada rakan-rakan apabila pulang kelak. Hal ini menjelaskan bahawa kualiti serta keunikan kraf tangan Malaysia akan menarik lebih banyak pelancong ke negara kita. Perkara ini bukan sahaja akan meningkatkan imej Malaysia sebagai negara berbilang bangsa malahan dapat meningkatkan ekonomi negara menerusi sektor pelancongan.

(Sumber: *Tourism Malaysia*, Ogos 2017)

Kata Kerja
membantu membuat memerlukan meningkat menjelaskan dipasarkan <i>(contoh-contoh lain daripada petikan)</i>

iii. Kesalahan umum penggunaan kata kerja

Salah	Betul	Penjelasan
Amni Zakirah sedang <u>pandang</u> lukisan itu.	Amni Zakirah sedang <u>memandang</u> lukisan itu.	Kata kerja transitif memerlukan imbuhan <i>meN-</i> .
Shahril Aiman <u>memahami akan</u> kehendak kakaknya.	Shahril Aiman <u>memahami</u> <u>kehendak</u> kakaknya.	Kata kerja transitif mesti terus diikuti oleh kata nama sebagai penyambut (objek).
Iqbal Haraz telah <u>menendang kuat-kuat</u> bola itu.	Iqbal Haraz telah <u>menendang bola</u> itu kuat-kuat.	Kata kerja transitif mesti terus diikuti oleh kata nama sebagai penyambut (objek).

Salah	Betul	Penjelasan
Intan Sabrina akan <u>berjumpa</u> Cikgu Amiruddin.	Intan Sabrina akan <u>berjumpa dengan</u> Cikgu Amiruddin.	Kata kerja tak transitif berpelengkap, iaitu “berjumpa” mesti diikuti kata sendi nama.
Perompak itu <u>bersenjatakan dengan</u> sebilah pisau.	Perompak itu <u>bersenjatakan</u> sebilah pisau.	Imbuhan <i>-kan</i> dalam perkataan “bersenjatakan” berfungsi sebagai kata sendi nama.

5.3 Latihan Pengukuhan

- i. Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian, kenal pasti kata kerja transitif aktif, kata kerja transitif pasif dan kata kerja tak transitif.

Malaysia merupakan destinasi pelancongan pilihan ramai kerana keindahan pantai yang bersih, laut yang membiru, kehijauan hutan, dan kemakmuran yang dikecapi. Selain pelancong dari dalam negara, pelancong dari luar negara juga begitu ghairah untuk menikmati keindahan di negara ini. Disebabkan oleh potensi yang ditonjolkan oleh industri pelancongan kesihatan, Malaysia berhasrat untuk memanipulasikan bidang ini demi kejayaan bidang perubatan pula. Malaysia kini sudah bersedia menjadi sebuah pusat rawatan dan perubatan kepada pelancong-pelancong luar negara melalui industri pelancongan kesihatan. Pihak kerajaan dan swasta haruslah berganding bahu agar industri pelancongan kesihatan ini menjadi kenyataan.

Bil.	kata kerja transitif aktif	kata kerja transitif pasif	kata kerja tak transitif
a.			
b.			
c.			
d.			
e.			
f.			
g.			

Jawapan

Bil.	Kata Kerja Transitif Aktif	Kata Kerja Transitif Pasif	Kata Kerja Tak Transitif
a.	menikmati	dikecapi	berdasarkan
b.	manipulasikan	ditonjolkan	berhasrat
c.	melalui	disebabkan	bersedia
d.			menjadi
e.			berganding
f.			merupakan
g.			membiru

ii. Tandakan (√) pada jawapan yang betul atau (x) pada jawapan yang salah. Tulis jawapan yang betul bagi jawapan yang salah.

a. Dengan berpandu peta tersebut, akhirnya kami berjaya mencari jalan keluar dari kawasan hutan itu. ()

.....

b. Puan Nurul Huda sedang menerangkan tentang masalah keruntuhan moral yang melanda remaja kini. ()

.....

c. Cikgu Salmah bertanyakan murid-muridnya tentang persediaan untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan bermula esok. ()

.....

d. Pendapat yang disuarakan oleh pemuda itu berdasarkan pada bukti yang sah. ()

.....

e. Semua aktiviti yang dijalankan di kawasan persekitaran sekolah perlu berteras pada peraturan sekolah. ()

.....

f. Ahli perniagaan itu bercerita mengenai kesengsaraan yang dialaminya ketika beliau mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan. ()

.....

g. Yasmin Hani bertanyakan tentang khabar keluarganya di kampung melalui aplikasi *WhatsApp*. ()

.....

Jawapan:

- Dengan berpandu peta tersebut, akhirnya kami berjaya mencari jalan keluar dari kawasan hutan itu. (x)
Dengan berpandukan peta/ Dengan berpandu pada peta
- Puan Nurul Huda sedang menerangkan tentang masalah keruntuhan moral yang melanda remaja kini. (x)
menerangkan masalah keruntuhan moral
- Cikgu Salmah bertanyakan murid-muridnya tentang persediaan untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang akan bermula esok. (x)
bertanya kepada murid-muridnya / menanyai murid-muridnya
- Pendapat yang disuarakan oleh pemuda itu berdasarkan pada bukti yang sahih. (x)
berdasarkan bukti yang sahih / berdasar pada bukti yang sahih
- Semua aktiviti yang dijalankan di kawasan persekitaran sekolah, perlu berteras pada peraturan sekolah. (✓)
- Ahli perniagaan itu bercerita mengenai kesengsaraan yang dialaminya ketika beliau mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan. (✓)
- Yasmin Hani bertanyakan tentang khabar keluarganya di kampung melalui aplikasi *WhatsApp*. (x)
bertanyakan khabar/ bertanya tentang khabar

5.4 Cadangan Aktiviti

- Isikan petak kosong dengan huruf yang sesuai untuk membentuk kata kerja.

Menghancurkan makanan, memamah		u				h				
Membuang sesuatu	h			p						
Jatuh			m			n				
Memasak sesuatu di atas bara api	p			g			n			
Menyaksikan		e		o				n		
Memotong sesuatu sehingga menjadi halus	m			c				a		


Jawapan

Menghancurkan makanan, memamah	k	u	n	y	a	h				
Membuang sesuatu	h	e	m	p	a	s				
Jatuh	t	u	m	b	a	n	g			
Memasak sesuatu di atas bara api	p	a	n	g	g	a	n	g		
Menyaksikan	m	e	n	o	n	t	o	n		
Memotong sesuatu sehingga menjadi halus	m	e	n	c	e	n	c	a	n	g

ii. Bina ayat bagi setiap kata di bawah.

- a. mengira
- b. mengira-ngira
- c. berkira
- d. berkira-kira
- e. dikira
- f. kira

6.0 GOLONGAN KATA ADJEKTIF



STANDARD KANDUNGAN	
5.2 Memahami dan menggunakan bentuk kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.2.3 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata adjektif dengan betul mengikut konteks.	

6.1 Definisi

Kata adjektif yang juga dikenali sebagai kata sifat, ialah perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan frasa adjektif. Kata ini dapat dikenal pasti dan dibezakan daripada kata nama atau kata kerja yang boleh didahului atau diikuti oleh kata penguat. Berdasarkan kriteria makna, kata adjektif dapat dibahagikan kepada sekurang-kurangnya sembilan jenis, iaitu

- i. kata adjektif sifat atau keadaan
- ii. kata adjektif warna
- iii. kata adjektif ukuran
- iv. kata adjektif bentuk
- v. kata adjektif waktu
- vi. kata adjektif jarak
- vii. kata adjektif cara
- viii. kata adjektif perasaan
- ix. kata adjektif pancaindera

6.2 Penggunaan Golongan Kata Adjektif

i. Contoh penggunaan kata adjektif dalam syair

SYAIR ANAK MERDEKA

Lima puluh tahun negara merdeka,
Masa yang lalu dingat sentiasa,
Susah derita pejuang bangsa,
Menentang penjajah tak kita masa.

Masih kuingat ketika dulu,
Bendera berkibar di tangan tuanku,
Laungan keramat menusuk di kalbu,
Itulah bukti merdeka negaraku.

Tidak sedikit pejuang yang gugur,
Berani mereka di medan tempur,
Rela berkorban bakti nan luhur,
Tersebut namamu terkenal masyhur.

Mereka berjuang kerana bangsa,
Semangat tak luntur jiwa perkasa,
Jasa pejuang diingat sentiasa,
Kita hormai sepanjang masa.

Apa ertinya kita merdeka,
Jika fikiran sentiasa leka,
Lebih sedihnya ada derhaka,
Budaya penjajah itu yang disuka.

Merdeka kita merdeka di minda,
Pentingkan ilmu bukannya benda,
Tingkatkan usaha berlipat ganda,
Kukuhkan iman di dalam dada.

Ingat pesanku anak merdeka,
Janganlah alpa janganlah leka,
Pertahankan negara sekalipun terluka,
Jangan terjajah kali kedua.

Bukti merdeka di tangan kita,
Berusaha gigih majukan negara,
Tidak mengharap ihsan semata,
Membangun dalam acuan kita.

Tingkatkan ilmu dan juga agama,
Iman dan amal usahakan bersama,
Merdeka kita lebih bermakna,
Pertahankannya selama-lama.

Abd Halim Ali.

Tanjung Malim, Perak.

<http://anjungpuisi.blogspot.com/2009/12/syair-anak-merdeka.html>

Senarai kata adjektif yang terdapat dalam Syair Anak Merdeka

Kata adjektif	
susah derita berani terkenal masyhur luhur	perkasa leka sedih suka kukuh maju gigih

- ii. Contoh penggunaan kata adjektif dalam rencana

MEMBUDAYAKAN SUKAN DAN REKREASI

Hari ini seluruh rakyat Malaysia bersukan bersempena dengan sambutan Hari Sukan Negara 2016 yang diraikan pada Sabtu minggu kedua bulan Oktober setiap tahun. Tahun ini sambutannya sangat bermakna kerana lebih tujuh juta orang mengambil bahagian secara serentak di seluruh negara. Kira-kira 22,500 aktiviti sukan dan riadah disusun di pelbagai peringkat tidak termasuk aktiviti sukan yang bersifat kecil-kecilan atau persendirian.

Program tahun ini juga tambah bermakna di tengah-tengah 'demam' kejayaan atlet-atlet negara di Sukan Olimpik dan Paralimpik Rio 2016. Kejayaan mereka terutama atlet paralimpik mencetuskan fenomena luar biasa. Mereka menjadi pendorong dan pencetus semangat kepada rakyat Malaysia untuk bersukan dan berjaya dalam bidang sukan. Kejayaan mereka juga menjadi pemangkin kepada atlet-atlet lain untuk mencipta kejayaan yang sama di peringkat antarabangsa. Para pelajar sekolah menjadikan ikon-ikon sukan ini sebagai idola masing-masing.

Hari Sukan Negara menjadi program penting dalam usaha berterusan kerajaan untuk menggalakkan rakyat menerapkan budaya hidup sihat, cergas dan aktif. Dalam keadaan rakyat Malaysia diancam oleh pelbagai jenis 'penyakit jadian sendiri' yang berpunca daripada amalan gaya hidup kurang aktif, pemakanan tidak sihat dan ditambah dengan terlalu banyak tekanan hidup, program ini dilihat sebagai satu kempen kesedaran untuk menjaga kesihatan, hidup aktif dan sentiasa cergas.

Budaya bersukan sangat membantu untuk menurunkan kadar penyakit kronik dalam kalangan penduduk. Umum mengetahui bahawa budaya hidup bersukan dalam kalangan rakyat di negara ini masih rendah, iaitu pada kadar 40 peratus sahaja berbanding dengan 50 hingga 60 peratus di negara-negara maju. Oleh sebab itu, kesedaran ini perlu digerakkan secara agresif. Malaysia perlu mempunyai penduduk yang sihat dan tinggi kesedaran tentang penjagaan kesihatan untuk memasuki era negara maju.

Satu perkara yang menarik berhubung dengan program ini ialah konsep bersukan dan beriadah yang murah, mudah dan menarik. Konsep ini sangat bertepatan dengan moto kempen, iaitu Sukan untuk Semua.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana
Membudayakan Sukan dan Riadah
dalam <https://kheru2006.livejournal.com/1695783.html>

Kata adjektif	
bermakna	maju
kecil-kecilan	agresif
luar biasa	tinggi
sihat	menarik
cergas	murah
aktif	mudah
rendah	

iii. Kesalahan umum dalam penggunaan kata adjektif




a. Meletakkan imbuhan *teR-* serentak dengan kata penguat *paling* dan *sekali*.

Kesalahan Penggunaan Kata Adjektif	Ayat yang betul	Penjelasan
<p>Datuk Lee Chong Wei dikenali di seluruh dunia sebagai pemain badminton yang <i>paling terhandal sekali</i>.</p>	<ul style="list-style-type: none"> + Datuk Lee Chong Wei dikenali di seluruh dunia sebagai pemain badminton yang <i>paling handal</i>. + Datuk Lee Chong Wei dikenali di seluruh dunia sebagai pemain badminton yang <i>handal sekali</i>. + Datuk Lee Chong Wei dikenali di seluruh dunia sebagai pemain badminton yang <i>terhandal</i>. 	<p>Kata penguat sekali dan paling sudah menunjukkan darjah penghabisan. Oleh itu, suatu kata adjektif itu hanya boleh menggunakan <i>teR-</i> atau sekali atau paling. Kedua-duanya atau ketiga-tiganya tidak boleh digunakan serentak.</p> <p>Di samping itu, satu lagi bentuk darjah penghabisan ialah amat/ sangat/ sungguh + kata adjektif + sekali. Dengan adanya darjah penghabisan ini, imbuhan <i>teR-</i> yang membawa maksud paling sudah tidak diperlukan.</p> <p>* Namun begitu, perlu juga ditegaskan bahawa frasa paling terkenal atau terkenal sekali adalah gramatis kerana imbuhan <i>teR-</i> dalam konteks ini tidak mendukung makna paling.</p>
<p>Negara Indonesia mendapat kutipan pingat emas yang <i>sangat terbanyak sekali</i> di Sukan ASEAN baru-baru ini.</p>	<ul style="list-style-type: none"> + Negara Indonesia mendapat kutipan pingat emas yang <i>sangat banyak sekali</i> di Sukan ASEAN baru-baru ini. + Negara Indonesia mendapat kutipan pingat emas yang <i>banyak sekali</i> di Sukan ASEAN baru-baru ini. + Negara Indonesia mendapat kutipan pingat emas yang <i>terbanyak</i> di Sukan ASEAN baru-baru ini. 	<p>* Namun begitu, perlu juga ditegaskan bahawa frasa paling terkenal atau terkenal sekali adalah gramatis kerana imbuhan <i>teR-</i> dalam konteks ini tidak mendukung makna paling.</p>
<p><i>Sungguh amat terindah</i> pemandangan di taman rekreasi pada petang itu.</p>	<ul style="list-style-type: none"> + <i>Sungguh amat indah</i> pemandangan di taman rekreasi pada petang itu. 	<p>Kata penguat bebas sungguh, amat dan sangat yang digunakan dua serentak secara berderetan dalam ayat sudah menunjukkan darjah penghabisan. Oleh itu, kata adjektif tidak boleh menggunakan imbuhan <i>teR-</i>, dan juga tidak boleh diikuti kata penguat belakang seperti "sekali".</p> <p>Contohnya: Sungguh amat indah sekali (salah)</p>

Kesalahan Penggunaan Kata Adjektif	Ayat yang betul	Penjelasan
Walaupun Ahmad ialah anak sejarawan negara, dia <i>amat tersopan sangat</i> apabila bertemu dengan orang yang lebih tua.	Walaupun Ahmad ialah anak sejarawan negara, dia <i>amat sopan sangat</i> apabila bertemu dengan orang yang lebih tua.	Kata penguat bebas seperti amat, sangat dan sungguh yang hadir serentak di hadapan dan di belakang kata adjektif sudah menandakan darjah penghabisan. Dalam situasi ini, kata adjektif tersebut tidak boleh menerima imbuhan teR- yang membawa maksud <i>paling</i> lagi.
Sepandai Wahab menipu pihak berkuasa, akhirnya terbongkar juga perbuatannya itu.	Sepandai-pandai Wahab menipu pihak berkuasa, akhirnya terbongkar juga perbuatannya itu.	Sepandai membawa maksud <i>sama pandai dengan</i> . Dalam konteks ini, awalan se- dan gandaan perlu digunakan sebagai penanda darjah penghabisan.
Mak Limah begitu <i>kasihkan</i> suaminya yang hilang ketika menangkap ikan di laut dua tahun yang lalu.	Mak Limah begitu <i>kasih akan</i> suaminya yang hilang ketika menangkap ikan di laut dua tahun yang lalu.	Kata sendi nama <i>akan</i> hendaklah digunakan selepas kata adjektif emotif (perasaan).
Rozaida membeli perisian komputer yang tersangat murah sekali itu secara dalam talian.	Rozaida membeli perisian komputer yang tersangat murah itu secara dalam talian.	Awalan teR- + sangat/ amat merupakan penanda darjah penghabisan. Oleh sebab itu, kata penguat belakang <i>sekali</i> tidak boleh digunakan serentak. Walau bagaimanapun, perlu ditegaskan bahawa penggunaan perkataan <i>tersungguh</i> harus dielakkan kerana bukan kelaziman dalam kalangan penutur jati.
Penduduk kampung menggesa kerajaan <i>memperlebar</i> kan jalan masuk ke kampung mereka untuk mengelakkan kesesakan jalan raya.	Penduduk kampung menggesa kerajaan <i>memperlebar</i> jalan masuk ke kampung mereka untuk mengelakkan kesesakan jalan raya.	Awalan memper- digunakan dengan kata adjektif untuk membawa maksud menjadikan sesuatu lebih atau bertambah. Dalam hubungan ini, penggunaan apitan memper-...-kan untuk kata adjektif adalah tidak tepat.

6.3 Latihan Pengukuhan

Berdasarkan gambar yang diberikan, bina tiga ayat dengan menggunakan kata adjektif yang sesuai.

	<ol style="list-style-type: none">i. Bunga-bunga yang <i>cantik</i> dan <i>menarik</i> kelihatan di Taman Botani, Putrajaya.ii. Semua bunga di sana sangat <i>cantik</i> dan berbau <i>wangi</i>.iii. Halimah sangat <i>suka</i> akan bunga mawar yang berwarna <i>merah jambu</i>.
	<ol style="list-style-type: none">i.ii.iii.
	<ol style="list-style-type: none">i.ii.iii.




- i.
- ii.
- iii.

6.4 Cadangan Aktiviti

Cipta tiga rangkap syair yang bertemakan sukan atau rekreasi dengan menggunakan laras sastera atau kreatif dalam aktiviti ini.

7.0 GOLONGAN KATA TUGAS



STANDARD KANDUNGAN	
5.2 Memahami dan menggunakan golongan kata yang sesuai dalam pelbagai bidang	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.2.4 Mengenal pasti dan menggunakan golongan kata tugas dengan betul mengikut konteks.	

7.1 Definisi

Kata Tugas

Kata tugas ialah perkataan yang hadir dalam ayat, klausa atau frasa dan mendukung sesuatu tugas sintaksis tertentu, sama ada sebagai penghubung, penerang, penentu, penguat, pendepan, pembantu, penegas, penafi, pembenar, pemerhati atau tugas-tugas lain.

Empat Kelompok Kata Tugas	17 Jenis Kata Tugas	Contoh
Kata penyambung ayat	Kata hubung	dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil, kemudian, yang, bahawa, untuk, kerana, sekiranya, jikalau, agar, semoga, andai kata, hingga, meskipun, supaya, kendatipun, semasa, sementara, ketika, walaupun, setelah, tatkala, sungguhpun, sebab, apabila
Kata Praklausa	Kata seru	cis, aduh, celaka, wahai, aduhai, amboi, oh, eh, wah, syabas
	Kata tanya	mengapa, bila, kenapa, berapa, bagaimana, siapa
	Kata perintah	jangan, usah, tak usah, sila, jemput, minta, harap, tolong
	Kata pembenar	ya, benar, betul
	Kata pangkal ayat	maka, hatta, adapun, kalakian, sebermula, arakian, alkisah, syahadan
Kata Prafrasa dan Kata Pascafrasa	Kata bantu	telah, pernah, akan, sudah, sedang, mula, baru, masih, belum, hendak, mahu, enggan, harus, mesti, patut, boleh, dapat, mungkin
	Kata penguat	terlalu, paling, makin, agak, cukup, kurang, sekali, betul, benar, nian, amat, sangat, sungguh
	Kata penegas	<i>-kah, -lah, -tah</i> , juga, jua, pun, sahaja, memang, lagi, hanya, cuma
	Kata nafi	bukan, tidak
	Kata pemerli	adalah, ialah
	Kata sendi nama	di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, demi, tentang, mengenai, seperti, bagai, umpama, laksana, sejak, terhadap, akan, oleh, hingga, antara, untuk, dengan, dalam, sampai, selain
	Kata arah	atas, bawah, antara, tepi, belakang, tengah, dalam, luar, sisi, penjuru, sudut, selatan, samping, timur, barat, hadapan, utara, segi
	Kata bilangan	tiga, berkotak-kotak, banyak, para, semua, setengah, lima ribu, keempat-empat, seperlima
	Kata adverba	jarang-jarang, sentiasa, kerap kali, sekali gus, begitu, agaknya, diam-diam, berhari-hari, tergesa-gesa, selama-lamanya, kecil-kecilan, mati-matian, (sakit) kuat, sering (di kedainya), (terbang) meninggi
Kata Pascakata	Kata penekan	<i>sesungguhnya, nampaknya, sebetulnya, sebaik-baiknya, seandainya, sekiranya, bahawasanya</i>
	Kata pembenda	<i>lajunya, pentingnya, datangnya, perginya, berdirinya, sakitnya, turunnya, lantangnya</i>

7.2 Penggunaan Kata Tugas

- i. Contoh penggunaan kata tugas dalam rencana

Guru Penggerak Transformasi Landskap Pendidikan Malaysia

Oleh: Alex Leong Jun Wei

Guru ialah insan yang paling mulia dalam kehidupan kita selepas ibu bapa kita. Hal ini dikatakan demikian kerana gurulah yang mengasuh, membimbing, menegur, dan mentarbiahkan kita. Guru jugalah yang menjadi uswah hasanah yang perlu kita teladani agar kita dilengkapi ilmu, kemahiran serta nilai yang merealisasikan kemenjadian kita. Tanpa guru yang sabar memberikan didikan formal kepada kita, amat sukar untuk kita menimba ilmu. Walaupun dunia digital pada hari ini memungkinkan kita mengakses maklumat dan ilmu tanpa sempadan, banyak juga tunjuk ajar yang perlu dilakukan oleh guru-guru agar kita bukan setakat memiliki ilmu tersebut, justeru kita turut dilengkapi kemahiran untuk memilih sumber yang sahih, positif dan produktif untuk menjadikan kita pengguna Internet yang berhemah tinggi dan bertanggungjawab. Sudah tentu kita berharap agar generasi yang kita lahirkan ini menjadi masyarakat digital yang bertanggungjawab dan kritis pemikirannya agar tidak berlakunya budaya songsang seperti fitnah-memfitnah sebagai akibatnya daripada penularan maklumat palsu, sulit atau berolemen negatif. Oleh sebab itu, kemajuan teknologi dalam arus globalisasi ini sebenarnya bukan sahaja tidak mengambil alih peranan seorang guru, malah sebaliknya menjadikan peranan guru untuk melahirkan anak didik yang cemerlang sahsiah semakin diperlukan dan relevan meskipun mencabar. Oleh sebab itu, Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan matlamat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025 agar sistem pendidikan negara kita senada seirama dengan perkembangan dunia yang menuntut kita agar menjadi insan holistik. Tuntutan dan cabaran ini pasti mustahil kita sahut andai kata tidak wujudnya bimbingan penuh sabar dan istiqamah penuh luhur daripada seorang insan bergelar guru.

Amanat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada awal tahun ini kepada seluruh warga pendidik di Malaysia melalui Naratif Baharu Amalan Pendidikan telah menggariskan beberapa perubahan besar yang wajib kita hayati dan patut kita laksanakan dalam tugas kita. Antaranya, pendidikan kita sekarang mestilah berorientasikan perkembangan murid secara holistik, dan bukannya berorientasikan peperiksaan semata-mata. Sehubungan dengan itu, Pentaksiran Bilik Darjah mesti diperkasakan terutamanya untuk murid Tahap 1 di sekolah rendah sementara sistem peperiksaan untuk golongan murid ini dimansuhkan sepenuhnya. Rasionalnya tindakan ini ialah kementerian berhasrat untuk memastikan elemen keseronokan dan kegembiraan yang didasari perasaan kasih sayang dan amalan saling menghormati terus mengakar dan membudaya di dalam bilik darjah setiap sekolah di Malaysia. Hal ini bermakna guru-guru mestilah betul-betul menjiwai profesion ini untuk mendidik anak murid dan bukannya menyampaikan ilmu semata-mata.

Kesedaran kita tentang Naratif Baharu Amalan Pendidikan ini amat relevan dan selaras dengan tema Hari Guru pada tahun 2019, iaitu “Guru, Obor Hemah Menyinari Pertiwi”. Jika kita mengamati makna yang tersirat daripada tema ini, akan kita setuju bahawa guru sesungguhnya bertanggungjawab untuk melahirkan generasi muda yang bersahsiah mahmudah, berhemah tinggi, dan berbudi pekerti mulia lantas membentuk masyarakat Malaysia yang madani. Pendek kata, guru umpama obor hemah, api semangatnya terus marak, sumbu pekerti modal insan terus dinyalakan oleh guru dan akhirnya, pertiwi tercinta ini terus disinari nur kegemilangan. Maka sudah terang lagi bersuluh, peranan guru teramat besar untuk memajukan warga Malaysia agar mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju seantero dunia.

Satu daripada perubahan yang perlu dilakukan oleh seseorang guru ialah guru mesti mengubah suai pedagogi di dalam bilik darjah agar seiring dengan kurikulum yang direka dan sejajar pula dengan pentaksiran yang bakal dijalani oleh murid. Walaupun ketiga-tiga elemen dalam pembelajaran, iaitu kurikulum, pedagogi dan pentaksiran bukanlah perkara baharu, guru mesti memberikan nafas baharu kepada ketiga-tiganya dengan mengintegrasikan Pembelajaran Abad Ke-21 atau PAK21, enam kemahiran abad ke-21 atau 6C, iaitu *Communication, Collaboration, Critical Thinking, Creativity, Characteristics* dan *Citizenship*, penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, serta teknologi maklumat dan komunikasi agar titik-titik maknawi yang selama ini kelihatan terpisah dapat dirangkaikan untuk mentransformasikan pendidikan di negara kita seoptimumnya. Kegagalan guru untuk merangkaikan titik atau *connecting the dots* ini akan menyukarkan proses pembaharuan dan pemurnian dalam pembelajaran murid-murid.

Sebagai kesimpulan, guru haruslah senantiasa mengingati tanggungjawab dan peranan sebagai pendidik yang mengilmukan rakyat dan memanusikan manusia kerana maju mundurnya negara pada masa akan datang sesungguhnya bergantung pada keberkesanan warga pendidik memainkan peranan sebagai arkitek pembangunan insan.

Ayat Terpilih	Analisis Penggunaan Kata Tugas
<p>Guru ialah insan yang paling mulia dalam kehidupan kita selepas ibu bapa kita. Hal ini dikatakan demikian kerana gurulah yang mengasuh, membimbing, menegur, dan mentarbiahkan kita.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. ialah – kata pemerih; b. yang – kata hubung pancangan relatif c. dalam – kata sendi nama d. selepas – kata hubung pancangan keterangan e. demikian – kata adverb f. dan – kata hubung gabungan
<p>Guru jugalah yang menjadi uswah hasanah yang perlu kita teladani agar kita dilengkapi ilmu, kemahiran serta nilai yang merealisasikan kemenjadian kita.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. jugalah – kata penegas b. yang – kata hubung pancangan relatif c. perlu – kata bantu d. agar – kata hubung pancangan keterangan e. serta – kata hubung gabungan
<p>Walaupun dunia digital pada hari ini memungkinkan kita mengakses maklumat dan ilmu tanpa sempadan, banyak juga tunjuk ajar yang perlu dilakukan oleh guru-guru agar kita bukan setakat memiliki ilmu tersebut, justeru kita turut dilengkapi kemahiran untuk memilih sumber yang sahih, positif dan produktif untuk menjadikan kita pengguna Internet yang berhemah tinggi dan bertanggungjawab.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. Walaupun - kata hubung pancangan keterangan b. pada – kata sendi nama c. dan – kata hubung gabungan d. juga – kata penegas e. oleh – kata sendi nama f. bukan – kata nafi g. setakat – penegas h. justeru – kata hubung pancangan keterangan i. turut – kata penegas j. untuk – kata hubung pancangan keterangan k. yang – kata hubung pancangan relatif l. dan – kata hubung gabungan

Ayat Terpilih	Analisis Penggunaan Kata Tugas
<p>Oleh sebab itu, kemajuan teknologi dalam arus globalisasi ini sebenarnya bukan sahaja tidak mengambil alih peranan seorang guru, malah sebaliknya menjadikan peranan guru untuk melahirkan anak didik yang cemerlang sahsiah semakin diperlukan dan relevan meskipun mencabar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. oleh – kata sendi nama b. dalam – kata sendi nama c. sebenarnya – kata penegas d. bukan – kata nafi e. sahaja – kata penegas f. malah – kata hubung gabungan g. sebaliknya – kata penekan h. untuk – kata hubung pancangan keterangan i. semakin – kata penguat j. dan – kata hubung gabungan k. meskipun – kata hubung pancangan keterangan
<p>Amanat daripada Kementerian Pendidikan Malaysia pada awal tahun ini kepada seluruh warga pendidik di Malaysia melalui Naratif Baharu Amalan Pendidikan telah menggariskan beberapa perubahan besar yang wajib kita hayati dan patut kita laksanakan dalam tugas kita.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. daripada – kata sendi nama b. pada – kata sendi nama c. kepada – kata sendi nama d. di – kata sendi nama e. melalui – kata sendi nama f. telah – kata bantu g. beberapa – kata bilangan h. yang – kata hubung pancangan relatif i. dan – kata hubung gabungan j. patut – kata bantu k. dalam – kata sendi nama
<p>Guru umpama obor hemah, api semangatnya terus marak, sumbu pekerti modal insan terus dinyalakan oleh guru dan akhirnya, pertwi tercinta ini terus disinari nur kegemilangan</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. umpama – kata sendi nama b. terus – kata adverba c. oleh – kata seni nama d. dan – kata hubung gabungan e. akhirnya – kata penekan
<p>Maka sudah terang lagi bersuluh, peranan guru teramat besar untuk memajukan warga Malaysia agar mampu berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negara-negara maju seantero dunia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. maka – kata pangkal ayat b. sudah – kata bantu c. lagi – kata penegas d. teramat – kata penguat e. untuk – kata hubung pancangan keterangan f. agar – kata hubung pancangan keterangan g. mampu – kata bantu h. dengan – kata sendi nama


Ayat Terpilih	Analisis Penggunaan Kata Tugas
<p>Sebagai kesimpulan, guru haruslah senantiasa mengingati tanggungjawab dan peranan sebagai pendidik yang mengilmukan rakyat dan memanusiaikan manusia sebab maju mundurnya negara pada masa akan datang sesungguhnya bergantung pada keberkesanan warga pendidik memainkan peranan sebagai arkitek pembangunan insan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> a. sebagai – kata sendi nama b. haruslah – kata bantu; kata penegas (<i>lah</i>) c. senantiasa – kata adverb d. dan – kata hubung gabungan e. sebagai – kata sendi nama f. yang – kata hubung pancangan relatif g. sebab – kata hubung pancangan keterangan h. pada – kata sendi nama i. akan – kata bantu j. sesungguhnya – kata penekan k. pada – kata sendi nama

ii. Contoh penggunaan kata tugas dalam jadual

PERANGKAAN GETAH BULANAN MALAYSIA, APRIL 2019

Perangkaan Utama	April 2018	Mac 2019	April 2019	Perubahan dari bulan ke bulan April 2019/ Mac 2019 dalam %	Perubahan dari tahun ke tahun April 2019/ April 2018 dalam %
Eksport dalam tan metrik	53,203	53,265	55,930	5.0	5.1
Import dalam tan metrik	65,299	101,646	72,045	-29.1	10.3
Penggunaan untuk domestik	43,406	43,981	43,737	-0.6	0.8
Bilangan pekerja yang bergaji (Estet)	10,289	11,330	11,168	-1.4	8.5
Gaji dan upah (RM'000)	11,751	15,264	15,357	0.6	30.7

Dipetik dan diubah suai daripada *Siaran Akhbar Perangkaan Getah Bulanan Malaysia, April 2019*,
Jabatan Perangkaan Malaysia.



iii. Contoh Kesalahan Umum Penggunaan Kata Tugas

Salah	Betul	Penjelasan
Monyet yang bergayut di dahan pokok itu telah menarik perhatian para pengunjung.	Monyet yang bergayut pada dahan pokok itu telah menarik perhatian para pengunjung.	<i>pada</i> mesti digunakan di hadapan kata nama yang menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kata kerja. Selain itu, “dahan” merupakan tempat sandaran kepada monyet itu bergayut. Sementara itu, <i>di</i> lazimnya digunakan untuk merujuk destinasi. Sebagai contoh, saya sudah sampai di sekolah (betul) Saya membaca maklumat yang terdapat di papan kenyataan itu. (salah)
Tanah kebun getah seluas seekar itu bagi adik manakala tanah kosong seluas dua ekar pula bagi abangnya.	Tanah kebun getah seluas seekar itu untuk adik manakala tanah kosong seluas dua ekar pula untuk abangnya.	<i>Untuk</i> menyatakan maksud bahagian yang ditentukan atau diperuntukkan. Oleh hal yang demikian, <i>bagi</i> tidak boleh digunakan untuk menggantikan <i>untuk</i> .

Salah	Betul	Penjelasan
Demi untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat, setiap individu perlu memainkan peranan untuk mengekalkan keharmonian.	Demi mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat, setiap individu perlu memainkan peranan untuk mengekalkan keharmonian.	<i>Demi untuk</i> dianggap lewah dan salah satu kata sendi tersebut perlu digugurkan.
Kajian ini membincangkan tentang pemahaman pelajar di peringkat sekolah menengah berkenaan dengan penggunaan kata kerja.	Kajian ini membincangkan pemahaman pelajar di peringkat sekolah menengah berkenaan dengan penggunaan kata kerja.	Tidak ada kata yang boleh disisipkan di antara kata kerja transitif dengan frasa nama sebagai objek.
Kerajaan sentiasa memberikan tumpuan terhadap kebajikan orang kurang upaya dengan menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan kepada mereka.	Kerajaan sentiasa memberikan tumpuan tentang kebajikan orang kurang upaya dengan menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan kepada mereka.	Kata sendi nama <i>terhadap</i> lazimnya diikuti kata nama yang bersifat konkrit manakala kata sendi nama <i>tentang</i> diikuti kata nama yang bersifat abstrak.
Dia sangat sayangkan kedua-dua ekor kucing peliharaannya.	Dia sangat sayang akan kedua-dua ekor kucing peliharaannya.	Kata sendi nama <i>akan</i> hendaklah digunakan selepas kata adjektif emotif (perasaan).
Oleh kerana kesukaran menemukan kandungan sebatian kimia dalam sampel darah, pihak hospital akan bekerjasama dengan Jabatan Kimia.	Oleh sebab kesukaran menemukan kandungan sebatian kimia dalam sampel darah, pihak hospital akan bekerjasama dengan Jabatan Kimia.	Kata sendi nama mesti diikuti kata nama. Dalam situasi ini, penggunaan <i>kerana</i> selepas <i>oleh</i> dikatakan salah disebabkan <i>kerana</i> ialah kata hubung dan bukannya kata nama.
Seni khat adalah di antara kesenian Islam yang sehingga kini masih mendapat perhatian masyarakat.	Seni khat adalah antara kesenian Islam yang sehingga kini masih mendapat perhatian masyarakat.	Kata sendi nama <i>di</i> hanya digunakan untuk sesuatu yang mempunyai konsep ruang.
Setengah masyarakat di kampung itu bekerja sebagai nelayan.	Setengah-setengah masyarakat di kampung itu bekerja sebagai nelayan.	<i>Setengah-setengah</i> (atau <i>sesetengah</i>) membawa maksud sebilangan daripada sesuatu dan berbeza daripada <i>setengah</i> yang membawa maksud separuh.

Salah	Betul	Penjelasan
Para guru-guru bertungkus lumus membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Menteri Pendidikan ke sekolah mereka.	Para guru bertungkus lumus membuat persiapan bagi menyambut kedatangan Menteri Pendidikan ke sekolah mereka.	<i>Para</i> ialah kata bilangan yang sudah menunjukkan jamak. Oleh sebab itu, kata nama <i>guru</i> tidak perlu digandakan.

7.3 Latihan Pengukuhan

Isi tempat kosong dengan kata tugas yang sesuai.

sebelum dengan	tentang oleh	apabila semasa	antara bahawa	dalam kepada
-------------------	-----------------	-------------------	------------------	-----------------

- i. Dalam ucapan beliau, Tun Dr Mahathir bercerita perjalanan kehidupannya sejak kecil, seperti kesukaran untuk mendapatkan peluang melanjutkan pelajaran, sukan yang diceburi dan sumbangan isteri beliau dalam kerjaya serta kehidupannya.
- ii. Abang terpinga-pinga apabila ditegur oleh seorang lelaki yang tidak dikenalnya menunggu isterinya di terminal bas.
- iii. Projek naturalisasi pemain adalah usaha jangka masa pendek, sederhana dan panjang dalam melonjakkan standard skuad kebangsaan tanpa mengetepikan program pembangunan sedia ada.
- iv. Kedua-dua orang pemain badminton negara tidak berasa gentar untuk bersaing pemain yang lebih berusia daripada mereka.
- v. Usaha Kementerian Pendidikan untuk menempatkan semua Sasterawan Negara di institusi pengajian tinggi awam wajar dipuji dan dimanfaatkan sebaik mungkin semua pihak khususnya pihak universiti.
- vi. Sekurang-kurangnya 36 orang pelombong haram maut lombong tembaga milik Glencore runtuh di tenggara Congo.
- vii. Penduduk Pasir Gudang khususnya di Taman Mawar sukar menerima hakikat punca sebenar gangguan kesihatan di kawasan mereka masih gagal dikesan.
- viii. Suntikan vaksin untuk menentang virus yang menjadi penyebab barah serviks memberikan kesan besar usaha untuk menghentikan jangkitan.
- ix. Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JPBM) Selangor, Encik Hafisham Mohd Noor memberitahukan bahawa pihaknya menerima

panggilan pada jam 8.20 pagi pasukannya dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sungai Pinang dikejarkan ke lokasi.

- x. Keuntungan bersih Glomac Berhad menyusut 56 peratus RM13.60 juta bagi tahun kewangan yang berakhir 30 April 2019.

Jawapan

i. tentang	vi. semasa/apabila
ii. semasa / apabila	vii. bahawa
iii. antara	viii. dalam
iv. dengan	ix. sebelum
v. oleh	x. kepada

7.4 Cadangan Aktiviti

Pilih satu kata tugas daripada senarai jenis kata tugas di bawah. Kemudian bina satu ayat daripada setiap kata tugas yang dipilih.

- i. Kata seruan
- ii. Kata penegas
- iii. Kata adverbial
- iv. Kata penekanan
- v. Kata pembenda

8.0 FRASA NAMA, FRASA KERJA, FRASA ADJEKTIF DAN FRASA SENDI NAMA



STANDARD KANDUNGAN	
5.3 Memahami dan menggunakan bentuk kata yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.3.1 <u>Mengenal pasti</u> dan <u>menggunakan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama</u> dengan betul mengikut konteks.	5.3.1 Memahami dan menggunakan frasa dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

8.1 Definisi

Frasa Nama

Frasa nama ialah binaan frasa yang boleh terdiri daripada satu patah perkataan atau beberapa patah perkataan yang mengandungi kata nama sebagai intinya. Frasa nama berfungsi sebagai subjek ayat dan juga boleh berfungsi sebagai objek yang hadir sesudah kata kerja transitif dalam frasa kerja.

Frasa Kerja

Frasa kerja ialah binaan yang terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan kata intinya ialah kata intinya ialah kata kerja. Frasa kerja terdiri daripada frasa kerja tidak transitif, frasa kerja transitif dan frasa kerja pasif.

Frasa Adjektif

Frasa adjektif ialah susunan perkataan yang terdiri daripada satu perkataan atau beberapa perkataan yang mengandungi kata sifat atau adjektif sebagai kata intinya. Frasa adjektif ialah frasa yang berfungsi sebagai predikat dan juga sebagai unsur keterangan dalam predikat. Sebagai unsur keterangan, kata adjektif hadir sesudah frasa kerja dan frasa sendi nama.

Frasa Sendi Nama

Frasa sendi nama ialah satu binaan dalam ayat yang terdiri daripada satu kata sendi nama dan satu frasa nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama itu. Kata sendi nama ialah bentuk morfem atau kata yang letaknya di hadapan frasa nama. Frasa sendi nama boleh juga sebagai pilihan, didahului oleh kata bantu.

8.2 Penggunaan Frasa

- i. Contoh penggunaan pelbagai jenis frasa dalam penulisan resume

A. MAKLUMAT PERIBADI

Memohon jawatan Pensyarah Mata Pelajaran Bahasa Melayu

Nama	Amni Zakirah Binti Haji Amir
Umur	29 Tahun
Tarikh Lahir	14 Januari 1990
Tempat Lahir	Hospital Terendak Kem Melaka
Warganegara	Malaysia
Bangsa	Melayu
Jantina	Perempuan
Status	Bujang
E-mel	Amnizakirah90@gmail.com
Nombor telefon	012-6334205
Alamat	No. 11A, Jalan Kristal 2/14, Taman Impian Perdana, 40300 Shah Alam. Selangor

B. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

Bil	Tahap	Sekolah/Institusi	Tahun	Keputusan
1	Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Seni Kreatif)	Universiti Malaysia Sabah	2010-2013	3.76
2	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	SMK Datuk Haji Ibrahim Talib	2008-2009	3.84
3	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	SMK Bandar Bestari Perdana	2007	2 A1, 1 A2, 2 B4, 2 C5, 1 D7, 2 E8
4	Penilaian Menengah Rendah (PMR)	SMK Bandar Bestari Perdana	2005	2A, 3B, 3C
5	Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)	Sekolah Kebangsaan Bandar Nusa	2002	1A, 2B, 2C

C. PERWATAKAN PERIBADI

1. Mampu berkomunikasi dengan baikny
2. Sentiasa sabar untuk mendapat lebih banyak ilmu dan pengalaman
3. Melaksanakan tugas yang diberikan dengan bersungguh-sungguh
4. Sangat menepati masa dan berdisiplin
5. Amanah dalam tanggungjawab yang diserahkan
6. Menerima teguran dengan baikny

D. PENGALAMAN KERJA

Bil	Jawatan	Tempat	Keterangan
1	Pelatih Industri (Pembantu Pejabat, Khidmat Pelanggan)	Jabatan Cetak Kerajaan Sabah	Lulus latihan Industri selama enam bulan mulai 4 April 2013 hingga 19 September 2013. Saya telah diiktiraf sebagai pelatih terbaik. Saya telah melakukan pelbagai jenis tugas. Saya mempelajari cara untuk berkomunikasi dengan pelanggan.

E. KEMAHIRAN & KEBOLEHAN

1. BAHASA	2. KEMAHIRAN PERISIAN	3. KEBOLEHAN
Bahasa Melayu (Sangat Baik)	<i>Microsoft Office (Word, Power Point, Excel) Internet application, Adobe Illustrator, Adobe Photoshop CS5, Picasa, Photoscape, Blogging</i>	Dapat menggunakan komputer dengan baikny. Menghasilkan skrip drama Gelombang, Mencipta puisi bertajuk Aura Mimpi

Frasa nama	Frasa kerja	Frasa adjektif	Frasa sendi nama
<ul style="list-style-type: none"> • mata pelajaran • pelatih industri • khidmat pelanggan • pembantu pejabat • komputer 	<ul style="list-style-type: none"> • menggunakan komputer • menghasilkan skrip drama • mencipta puisi 	<ul style="list-style-type: none"> • sangat baik • sabar • amanah • sangat menepati masa 	<ul style="list-style-type: none"> • di bawah • dengan baikny • sebagai pelatih terbaik

- ii. Contoh penggunaan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama dalam syair

Syair: Sayangi Bahasa dan Sastera

Kausayangi bahasa ibunda
 warisan tradisi tandingan tiada
 jangan dibiarkan bahasa dipersenda
 agar martabatnya kekal di persada

Bahasa ilmu bahasa komunikasi
 menjadi wahana maju generasi
 santun diujar pelbagai variasi
 selisih faham mampu diatasi

Sastera pula penyambung wacana
 syair gurindam alunan pesona
 teramat gah di mana-mana
 di bumi tercinta di pentas buana

Kita pertahankan warisan bangsa
 pusaka berharga terus perkasa
 bahasa dan sastera sanjungan nusa
 berkembang mekar di arus masa

ROSLAH MOHD RANI

Frasa nama	Frasa kerja	Frasa adjektif	Frasa sendi nama
bahasa ibunda warisan tradisi martabatnya bahasa dan sastera syair gurindam penyambung wacana alunan pesona pusaka berharga sanjungan nusa	mampu diatasi berkembang kita pertahankan jangan dibiarkan kausayangi berkembang mekar	maju mekar teramat gah terus perkasa	di mana-mana di pentas buana di persada di bumi tercinta di arus masa

iii. Contoh Kesalahan

Kesalahan umum penggunaan frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Frasa	Salah	Betul	Penjelasan
Frasa nama	<i>beberapa orang pekerja-pekerja</i>	<i>beberapa orang pekerja</i>	Apabila kata bilangan yang menunjukkan makna jamak digunakan, kata nama itu tidak boleh digandakan.
	<i>Baju-bajunya cantik-cantik belaka.</i>	<i>Bajunya cantik-cantik belaka.</i>	Apabila kata adjektif dalam sesuatu ayat itu digandakan, kata nama dalam ayat tersebut tidak perlu digandakan lagi. Hal ini dikatakan demikian kerana kata adjektif yang digandakan sudah membawa maksud jamak. Sebaliknya, jika kata nama digandakan, kata adjektif tidak perlu digandakan lagi.
Frasa Adjektif	Pemandangan di kampungnya <i>sekali indah.</i>	Pemandangan di kampungnya <i>indah sekali.</i>	Kata penguat "sekali" perlu diletakkan di belakang kata adjektif kerana "sekali" ialah kata penguat belakang.
	Dialah pelari yang <i>terhandal sekali.</i>	Dialah pelari yang <i>terhandal.</i>	Kata penguat tidak diperlukan lagi jika kata adjektif itu diimbuhi awalan <i>ter-</i> . Hal ini dikatakan demikian kerana awalan <i>ter-</i> pada kata adjektif sudah membawa makna "paling". Walau bagaimanapun, untuk imbuhan <i>ter-</i> yang tidak membawa maksud "paling", penggunaan kata penguat dibenarkan. Contoh: Sangat terkenal sekali (Betul)

Frasa	Salah	Betul	Penjelasan
	Saya <i>suka</i> durian.	Saya suka akan durian.	Kata adjektif emotif perlu diikuti oleh kata sendi nama “akan”.
Frasa Kerja	Pasukan bola sepak Selangor <i>bertemu</i> pasukan bola sepak Perlis dalam perlawanan akhir Piala Malaysia.	Pasukan bola sepak Selangor <i>bertemu dengan</i> pasukan bola sepak Perlis dalam perlawanan akhir Piala Malaysia.	Dalam konteks ini, kata sendi nama “dengan” wajib digunakan untuk membentuk frasa kerja tak transitif berpelengkap yang gramatis.
	Jambangan bunga ini <i>digubah olehku</i> .	Jambangan bunga ini <i>kugubah</i> .	Kesalahan bentuk frasa kerja pasif diri pertama . Bentuk frasa kerja pasif diri pertama tidak boleh disamakan dengan bentuk frasa kerja pasif diri ketiga .
Frasa Sendi Nama	di arus masa	pada arus masa	Penggunaan kata sendi di tidak boleh digunakan untuk masa, waktu dan zaman
	sejak dari dahulu lagi	sejak dahulu lagi / dari dahulu lagi	Dua kata sendi nama tidak boleh hadir berturutan.

8.3 Latihan Pengukuhan

- i. Kenal pasti kesalahan bahasa dalam petikan di bawah dan buat pembetulan.

Ubat-ubatan moden masa ini terdiri daripada lebih 30 peratus bahan yang berasal dari tumbuhan. Dijangkakan sumber baharu ubat-ubatan pada masa hadapan akan banyak bergantung kepada hasil penemuan kajian yang dilakukan terhadap bahan tumbuhan yang digunakan di dalam perubatan tradisional. Malah, tidak hairanlah jika sekiranya pengkaji Jepun mendakwa yang mereka menemukan bakal penawar AIDS yang berasal daripada tumbuhan, iaitu kangkung liar. Kangkung liar ini banyak terdapat di Indonesia dan Malaysia yang dikenali dengan nama saintifiknya *Merimia mammosa*.

Jawapan

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
ubat-ubatan moden masa ini	ubat-ubatan masa ini/ ubat-ubatan moden
dari tumbuhan	daripada tumbuhan
bergantung kepada	bergantung pada
di dalam perubatan tradisional	dalam perubatan tradisional
jika sekiranya	jika / sekiranya
mendakwa yang mereka	mendakwa bahawa mereka

ii. Nyatakan jenis frasa yang bergaris di bawah sama ada Frasa Nama (FN), Frasa Kerja (FK), Frasa Adjektif (FA) atau Frasa Sendi Nama (FS)

a. Kami akan melancong ke negara Jepun pada bulan depan.

_____ (FK)

b. Keluarga Encik Ahmad ke Kota Bharu dengan menaiki kapal terbang.

_____ (FS)

c. Baju yang dipakai oleh Syuhada itu sangat tebal kerana dia tidak tahan akan cuaca yang sangat sejuk.

_____ (FA)

d. Kebanyakan nelayan tidak dapat turun ke laut pada musim tengkujuh.

_____ (FS)

e. Kejohanan sukan sekolah kami yang diadakan pada minggu lepas sungguh meriah sekali.

_____ (FN)

f. Kespesatan sektor pelancongan menyumbang kepada peningkatan pendapatan ekonomi negara.

_____ (FK)

Jawapan

- a. FK
- b. FS
- c. FA
- d. FS
- e. FN
- f. FK

8.4 Cadangan Aktiviti

1. Tulis sebuah cerpen berdasarkan peribahasa, tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas. Gunakan laras sastera atau kreatif dalam aktiviti ini.

Gariskan sekurang-kurangnya dua Frasa Nama (FN), dua Frasa Kerja (FK), dua Frasa Adjektif (FA) dan dua Frasa Sendi Nama (FS) dalam cerpen tersebut.

2. Hasilkan sebuah skrip iklan dengan menggunakan keempat-empat frasa dan kemudian melakonkan iklan tersebut. Gunakan laras iklan dalam aktiviti ini.

Catat dua Frasa Nama (FN), dua Frasa Kerja (FK), dua Frasa Adjektif (FA) dan dua Frasa Sendi Nama (FS) yang terdapat dalam iklan tersebut.

9.0 AYAT DASAR



STANDARD KANDUNGAN	
5.3 Memahami dan menggunakan ayat yang sesuai dalam pelbagai bidang .	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.3.2 <u>Mengenal pasti dan menggunakan ayat dasar</u> yang betul.	5.3.2 <u>Memahami dan menggunakan</u> ayat terbitan dengan betul mengikut konteks.

9.1 Definisi

Ayat dasar bermaksud ayat yang menjadi **dasar atau sumber bagi pembentukan semua ayat lain** dalam sesuatu bahasa. Semua ayat itu dapat dikesan rangka dasarnya yang berasal daripada pola tertentu.

Pola ayat dasar boleh dibahagikan kepada empat jenis:

	Konstituen Subjek	Konstituen Predikat
i.	Frasa Nama	Frasa Nama
ii.	Frasa Nama	Frasa Kerja
iii.	Frasa Nama	Frasa Adjektif
iv.	Frasa Nama	Frasa Sendi Nama

Perlu ditegaskan bahawa **ayat dasar** mestilah memenuhi kriteria yang berikut:


- i. Terdiri daripada **satu subjek** dan **satu predikat**, iaitu **ayat tunggal** dan tiada peluasan dalam subjek dan predikat.
- ii. **Berjenis ayat penyata**
- iii. **Bersusunan biasa**
- iv. Mempunyai **ragam ayat aktif** sekiranya predikat ayat frasa kerja transitif

Untuk mengenal pasti ayat dasar, murid mestilah berupaya untuk

- Membezakan ayat dasar daripada ayat tunggal
(**Sebab:** semua ayat dasar ialah ayat tunggal, tetapi bukan semua ayat tunggal merupakan ayat dasar)
- Membezakan ayat bersusunan biasa daripada ayat bersusunan songsang
(**Sebab:** Ayat bersusunan songsang bukan ayat dasar kerana asalnya ayat songsang tersebut adalah daripada ayat bersusunan biasa)
- Membezakan ayat aktif daripada ayat pasif
(**Sebab:** Ragam ayat pasif bukan ayat dasar kerana pembentukan ayat pasif juga berasal daripada ayat aktif)
- Membezakan jenis ayat, iaitu dapat membezakan ayat penyata daripada ayat tanya, ayat seruan, dan ayat perintah.
(**Sebab:** Ayat tanya, ayat seruan dan ayat perintah terbentuk daripada ayat penyata)

9.2 Penggunaan Kata Terbitan

i. Contoh penggunaan ayat dasar dalam Komik



- Tahap integriti penjawat awam sangat membimbangkan. (FN+FA)
- Integriti itu tentang etika. (FN+FS)
- Integriti itu tentang nilai-nilai murni. (FN+FS)
- Kejujuran pegangan utama penjawat awam. (FN+FN)
- Sikap amanah menjadi keutamaan. (FN+FK)

Sepatutnya, apabila berlaku konflik tentang kepentingan, keutamaan haruslah diberikan kepada kepentingan awam. Semua penjawat awam mesti amanah. Ciri ini amat penting. Kepercayaan masyarakat umum pasti meningkat.

Betul tu. Dengan pelantikan Lateefa Koya sebagai Pengarah SPRM, saya amat yakin bahawa semuanya akan bertambah baik.

Peribahasa ada menyatakan, kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. Walau bagaimanapun, semua pihak mesti mencegah gejala rasuah secara bersungguh-sungguh daripada peringkat akar umbi lagi. Pendek kata, usaha membanteras rasuah tanggungjawab kita bersama.

Dalam aspek urus tadbir sesuatu organisasi, runtuhnya integriti ibarat runtuhnya sebuah bangunan. Oleh sebab itu, kepincangan yang disebabkan oleh rasuah tidak harus kita remehkan.

Sebenarnya, ada yang mengatakan bahawa kebanyakan orang yang pecah amanah telah mempunyai pendapatan yang lumayan. Walau bagaimanapun, sikap tamak halobalah yang menjerumuskan mereka ke kancah rasuah.

Apa-apa pun, pada pokok pangkalnya, jati diri dan pegangan agama menjadi benteng yang menghalang individu daripada perbuatan rasuah.

Kita wajib memantapkan integriti kita.

- a. Semua penjawat awam mesti amanah. (FN+FA)
- b. Ciri ini amat penting. (FN+FA)
- c. Kepercayaan masyarakat umum pasti meningkat. (FN+FK)
- d. Peribahasa ada menyatakan, kerana nila setitik, rosak susu sebelanga. (FN+FK)
- e. Usaha membanteras rasuah tanggungjawab kita bersama. (FN+FN)
- f. Kita wajib memantapkan integriti kita. (FN+FK)

ii. Contoh kesalahan umum penentuan pola ayat dasar

Ayat Dasar	Pola Ayat		Penjelasan
	Salah	Betul	
Lelaki itu penerima anugerah kecemerlangan.	FN+FA	FN + FN	Frasa “penerima anugerah kecemerlangan” ialah frasa nama. Perkataan “kecemerlangan” merupakan kata nama terbitan. Murid mungkin keliru dengan kata “cemerlang” dan menganggap ayat ini sebagai frasa adjektif.
Novel itu tentang kemiskinan masyarakat luar bandar.	FN + FN	FN + FS	Predikat ayat ini ialah “tentang kemiskinan masyarakat luar bandar”, iaitu frasa sendi nama yang dikepalai kata sendi nama “tentang”.
Amran ke perpustakaan pagi tadi.	FN + FK	FN + FS	Predikat ayat, iaitu “ke perpustakaan pagi tadi” merupakan frasa sendi nama yang dikepalai kata sendi nama “ke”. Murid keliru kerana beranggapan bahawa perbuatan “ke perpustakaan” merupakan kata kerja.
Abang saya menjadi jurutera.	FN + FN	FN + FK	Frasa kerja tak transitif, iaitu “menjadi jurutera” merupakan predikat ayat
Perkara ini amat membimbangkan.	FN + FK	FN + FA	Kata “membimbangkan” ialah kata kerja. Dalam ayat ini, kata “membimbangkan” berfungsi sebagai kata adjektif dan hal ini terbukti dengan kehadiran kata penguat bebas, “amat”. Oleh sebab itu, predikat ayat ini sebenarnya terdiri daripada frasa adjektif.
Harimau itu sudah mati.	FN + FA	FN + FK	Kata kerja tak transitif “mati” sering dianggap sebagai kata adjektif. Kesilapan ini menyebabkan banyak pengguna bahasa beranggapan bahawa pola ayat dasar ini FN+FA.
Muka perempuan itu merah.	FN + FN	FN + FA	Warna “merah” merupakan kata adjektif kerana dalam konteks ini, perkataan “merah” digunakan untuk menerangkan sifat “muka perempuan itu”.
Warna kegemaran saya merah.	FN + FA	FN + FN	Kata “merah” dalam konteks ayat ini pula bukan berfungsi sebagai kata adjektif kerana perkataan

Ayat Dasar	Pola Ayat		Penjelasan
	Salah	Betul	
			“merah” tidak menerangkan sifat, sebaliknya menerangkan nama kepada warna yang digemari.
Aktiviti kegemaran saya membaca novel.	FN + FK	FN + FN	“Membaca novel” pada umumnya tergolong sebagai frasa kerja, namun dalam konteks ini, “membaca novel” hanya berfungsi sebagai “nama” kepada aktiviti kegemaran “saya”. Pengguguran perkataan “aktiviti” di hadapan “membaca buku” sebenarnya telah berlaku.
Pemandangan di pantai itu sungguh indah nian.	FN + FS	FN + FA	Kesilapan ini berlaku disebabkan oleh kegagalan pengguna bahasa untuk menentukan subjek dan predikat. Subjek ayat ini ialah “Pemandangan di pantai itu” dan bukannya “pemandangan”.

- iii. Kekeliruan untuk membezakan ayat dasar daripada ayat-ayat yang lain ditunjukkan dalam ayat di bawah.

Ayat yang dianggap sebagai ayat dasar	Jenis ayat yang betul	Penjelasan
Wanita yang berbudi bahasa itu ibu saya.	Ayat Majmuk Pancangan Relatif	Kehadiran kata hubung pancangan relatif “yang” dalam ayat majmuk yang pendek selalunya kurang disedari oleh murid-murid. Ayat majmuk ini terbentuk daripada dua ayat dasar, iaitu : (i) Wanita itu berbudi bahasa. (FN+FK) (ii) Wanita itu ibu saya. (FN+FN)
Lelaki itulah abang saya.	Ayat bersusunan songsang	Ayat ini sebenarnya terbentuk daripada ayat dasar “Abang saya lelaki itu. (FN+FN)”. Apabila disongsangkan, partikel <i>-lah</i> digunakan dan menjadi penanda ayat songsang.
Tikus itu dikejar oleh Si Tompok.	Ayat pasif	Walaupun ayat ini pendek dan terdiri daripada satu subjek dan satu predikat, iaitu tanpa

Ayat yang dianggap sebagai ayat dasar	Jenis ayat yang betul	Penjelasan
		penggunaan kata hubung, ayat pasif tidak dapat dikategorikan sebagai ayat dasar kerana berasal daripada ragam aktifnya, iaitu "Si Tompok mengejar tikus itu (FN+FK)".
Ibu budak itu di mana?	Ayat tanya	Walaupun ayat ini pendek dan polanya FN+FS, ayat tanya ini sebenarnya terbentuk daripada ayat dasar seperti "Ibu budak itu di bilik itu"
Kutip sampah di tapak perhimpunan.	Ayat Perintah	Ayat perintah terbentuk daripada pelbagai proses. Ayat dasarnya ialah "kamu mengutip sampah di tapak perhimpunan". Seterusnya, ayat ini dipasifkan sehingga terbentuk "Sampah di tapak perhimpunan kamu kutip" Kemudian, proses penyongsangan pula membentuk ayat "Kamu kutip sampah di tapak perhimpunan". Akhir sekali, penguguran kata ganti nama diri "kamu" dilakukan kerana ayat ini dijadikan ayat perintah. Kesimpulannya, ayat perintah bukan ayat dasar tetapi terbentuk daripada ayat dasar.

9.3 Latihan Pengukuhan

Bina karangan respons terhad bertajuk Jika Aku Seorang Perdana Menteri dengan menggunakan ayat dasar berpandukan frasa yang diberikan.



9.4 Cadangan Aktiviti

Bina ayat dasar secara lisan dengan menggunakan permainan Telefon Karat atau Radio Buruk. Gunakan laras bahasa harian.

10.0 AYAT TERBITAN



STANDARD KANDUNGAN	
5.3 Memahami dan menggunakan ayat yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.3.2 Menenal pasti dan menggunakan ayat dasar yang betul.	5.3.2 <u>Memahami dan menggunakan ayat terbitan</u> dengan betul mengikut konteks.

10.1 Definisi

Ayat Terbitan

Konsep ayat terbitan berasaskan konsep Transformasi Generatif. Ayat terbitan boleh didefinisikan sebagai ayat yang mengalami proses perubahan atau transformasi daripada ayat dasar. Ayat terbitan boleh terhasil melalui tiga proses iaitu:

- i. Proses pengguguran,
- ii. Proses penyusunan semula, atau
- iii. Proses peluasan.

i. Proses Pengguguran

Proses pengguguran boleh diertikan sebagai satu proses penerbitan ayat baharu yang terbentuk daripada dua atau lebih ayat dasar yang mempunyai unsur yang sama pada bahagian subjek mahupun bahagian predikat. Salah satu unsur yang sama tersebut tidak akan diulang tetapi akan digugurkan, seperti subjek yang sama, atau kata kerja yang sama mahupun objek yang sama.

Dalam bahasa Melayu terdapat tiga jenis pengguguran, iaitu:

- a. Pengguguran frasa nama sebagai subjek
- b. Pengguguran frasa predikat
- c. Pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif
- d. Pengguguran kata nama yang berfungsi sebagai inti dalam frasa nama

a. Pengguguran Frasa Nama sebagai Subjek

Pengguguran frasa nama sebagai subjek boleh berlaku dalam dua proses, iaitu:

(i) Pengguguran subjek dalam ayat perintah.

Subjek yang digugurkan dalam ayat perintah ialah subjek yang terdiri daripada kata ganti nama diri kedua iaitu kamu, awak, anda dan yang sama maksud dengannya. Contoh:

Ayat Perintah :

Kamu ke mari → ~~Kamu~~ ke mari → Ke mari!

Kamu semua pergi dari sini → ~~Kamu semua~~ pergi dari sini → Pergi dari sini!

(ii) Pengguguran subjek yang sama dalam ayat majmuk

Dalam pembinaan ayat majmuk yang terdiri daripada dua atau lebih ayat, sering berlaku pengulangan subjek yang sama. Oleh itu, salah satu subjek tersebut perlu digugurkan. Contoh:

Ali suka nasi lemak + Ali suka mi goreng .

→ Ali suka nasi lemak dan ~~Ali~~ suka mi goreng.

→ Ali suka nasi lemak dan mi goreng.

Dalam contoh di atas berlaku pengulangan subjek iaitu Ali. Oleh itu, Ali telah digugurkan.

b. Pengguguran Frasa Predikat

Pengguguran frasa predikat dalam hukum ilmu bahasa Melayu berlaku dalam dua bentuk, iaitu:

(i) Pengguguran seluruh frasa predikat

Pengguguran seluruh frasa predikat bermaksud pengguguran seluruh predikat dalam ayat majmuk gabungan. Contohnya:

Ali suka memancing + Abu suka memancing.

→ Ali ~~suka memancing~~ dan Abu suka memancing.

→ Ali dan Abu suka memancing.

Dalam contoh di atas predikat suka memancing telah digugurkan. Proses pengguguran seluruh predikat ini boleh berlaku dengan menggugurkan kesemua frasa predikat yang serupa.

(ii) Pengguguran bahagian-bahagian frasa predikat.

Pengguguran bahagian-bahagian frasa predikat berlaku dalam empat cara, iaitu:

👉 Oleh + FN dalam ayat pasif

Dalam sistem ayat pasif, frasa sendi nama oleh + FN boleh digugurkan sebagaimana contoh di bawah:

Bola itu ditendang oleh Amer.

—> Bola itu ditendang oleh Amer.

—> Bola itu ditendang.

Dalam contoh, ayat Bola itu ditendang oleh Amer merupakan ayat pasif yang lengkap. Selepas berlaku pengguguran oleh + FN, ayat tersebut menjadi Bola itu ditendang.

✚ Kata bantu yang serupa

Dalam menggabungkan ayat tunggal yang mempunyai kata bantu yang serupa, kata bantu tersebut boleh digugur sehingga hanya tinggal satu sahaja. Contoh:

Ali boleh melompat + Ali boleh menendang

—> Ali boleh melompat dan ~~Ali boleh~~ menendang

—> Ali boleh melompat dan menendang

Dalam ayat Ali boleh melompat dan menendang, kata bantu boleh telah digugurkan

✚ FN sebagai objek yang serupa

Dalam ayat majmuk terdapat FN yang bertindak sebagai objek yang serupa. Satu daripada objek tersebut akan digugurkan. Contoh:

Ali menangkap ular itu + Ali membunuh ular itu

—> Ali menangkap ~~ular itu~~ dan Ali membunuh ular itu

—> Ali menangkap dan membunuh ular itu

Dalam contoh ayat Ali menangkap dan membunuh ular itu, frasa ular itu telah digugurkan.

✚ FN sebagai objek selepas kata kerja yang membawa makna adjektif

Frasa nama (objek) yang hadir selepas kata kerja transitif yang membawa makna adjektif dalam ayat boleh digugurkan. Contoh:

Keindahan Pulau Sipadan menakjubkan pelancong.

—> Keindahan Pulau Sipadan menakjubkan ~~pelancong~~.

—> Keindahan Pulau Sipadan menakjubkan.

Dalam contoh di atas, dengan pengguguran objek selepas kata kerja, hal ini menjadikan kata kerja tersebut membawa makna adjektif.

c. Pengguguran Frasa Nama yang Mendahului Frasa Relatif

Pengguguran frasa nama yang mendahului frasa relatif berlaku apabila frasa nama itu dipancangkan dan digantikan dengan perkataan yang. Contohnya

Jururawat itu ibu saya. Jururawat itu memakai baju seragam.

—> Jururawat yang memakai baju seragam itu ibu saya.

—> Yang memakai baju seragam itu ibu saya

Dalam ayat di atas telah berlaku proses pancangan dan proses pengguguran perkataan Jururawat yang telah berada di depan ayat.

d. Pengguguran Kata Nama Yang Berfungsi Sebagai Inti Dalam Frasa Nama

Kata nama inti yang terbina daripada *KNInti* + *Penerang* boleh digugurkan sehingga tinggal bahagian penerangnya sahaja. Contoh:

Aktiviti bersukan menyihatkan badan.

—> ~~Aktiviti~~ bersukan menyihatkan badan.

—> Bersukan menyihatkan badan.

Dalam contoh di atas *KNInti* digugurkan dan *penerang* sahaja yang dikekalkan.

Untuk penerangan *KNInti*, sila rujuk *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga* (2015), muka surat 560 hingga 562.

ii. Proses Penyusunan Semula

Dalam proses penyusunan semula, bentuk perkataan dalam ayat asal diubah susunannya dan diterbitkan semula dalam struktur ayat yang baharu. Ayat yang mengalami penyusunan semula ialah ayat yang diubah menjadi ayat pasif, ayat yang mempunyai dua objek iaitu objek tepat, dan objek sipi dan juga ayat songsang. Dalam proses ini, ayat akan mengalami perubahan tanpa mengubah maksud asal ayat. Terdapat tiga proses penyusunan, iaitu:

Contoh 1 - Terbitan ayat pasif daripada ayat aktif

a. Penyusunan semula Frasa Nama sebagai subjek

Penyusunan semula Frasa Nama sebagai subjek bermaksud penyusunan semula objek ayat aktif menjadi subjek ayat pasif. Frasa Nama yang menjadi objek dalam ayat aktif disusun semula menjadi subjek dalam ayat pasif. Contoh:

Ayat aktif : Faiz memujuk adik.

Ayat pasif : Adik dipujuk oleh Faiz.

Faiz memujuk adik merupakan ayat aktif. Objek ayat tersebut ialah Faiz. Apabila ayat tersebut dipasifkan dan disusun semula, adik telah menjadi subjek dalam ayat tersebut.

Contoh 2 – Terbitan ayat aktif daripada ayat pasif

Ayat pasif : Undang-undang mesti kita patuhi.

Ayat aktif : Kita mesti mematuhi undang-undang.

Undang-undang mesti kita patuhi merupakan ayat pasif. Objek ayat tersebut ialah Undang-undang. Apabila ayat tersebut diaktifkan dan disusun semula, kita telah menjadi subjek dalam ayat tersebut.

Contoh 3 – Terbitan ayat susunan songsang daripada ayat pasif

Ayat aktif: Saya mendaki gunung Kinabalu pada cuti semester yang lalu.

Ayat pasif: Gunung Kinabalu saya daki pada cuti semester yang lalu.

Ayat pasif susunan songsang: Saya daki gunung Kinabalu pada cuti semester yang lalu.

Perbezaan antara ayat aktif dengan ayat pasif susunan songsang ialah ayat aktif wajib mengambil imbuhan *me-*, manakala ayat pasif susunan songsang adalah terbitan daripada ayat pasif yang telah disongsangkan.

b. Penyusunan semula frasa nama sebagai objek

Kebanyakan ayat hanya mempunyai satu objek, namun ada juga ayat yang mempunyai dua jenis objek, iaitu objek tepat dan objek sipi. Objek tepat ialah frasa nama yang berada selepas kata kerja, manakala objek sipi ialah frasa nama yang mengikuti objek tepat. Contoh:

Ibu menghadiahkan adik jam tangan.

—> Ibu menghadiahkan jam tangan kepada adik

Ayat tersebut boleh disusun semula dengan menukar ganti kedudukan kedua-dua jenis objek tersebut melalui proses penyusunan semula. Proses ini memindahkan kedudukan objek tepat dalam ayat asal ke bahagian akhir dengan didahului kata sendi kepada, dan meletakkan frasa nama objek sipi pada kedudukan selepas kata kerja untuk menjadikannya objek tepat yang baharu. Kata kerja dalam ayat yang diterbitkan berubah juga bentuknya, iaitu imbuhan -i pada kata kerja, jika ada, digantikan dengan imbuhan -kan.

c. Penyusunan menjadi ayat songsang.

Penyusunan semula ayat juga boleh dilakukan dengan menyongsangkan ayat tersebut. Contohnya:

Alif telah berjaya menjadi jutawan selepas bekerja keras dalam perniagaan.

—> Selepas bekerja keras dalam perniagaan, Alif telah berjaya menjadi jutawan.

Jika perhatikan susunan ayat dalam contoh di atas, kedudukan keterangan telah berubah. Frasa keterangan Selepas bekerja keras dalam perniagaan disongsangkan apabila keterangan itu hendak difokuskan.

iii. Proses Peluasan

Ayat yang mengalami proses peluasan ialah ayat terbitan yang berasal daripada ayat dasar. Proses peluasan ialah menambahkan unsur-unsur dalam ayat yang baharu. Dalam bahasa Melayu terdapat beberapa jenis proses peluasan, iaitu:

(a) Peluasan frasa nama sebagai subjek

Peluasan frasa nama sebagai subjek berlaku melalui proses pemancangan ayat ke satu ayat lain menggunakan kata pancangan relatif yang. Contohnya:

Bomba memadam kebakaran

Bomba itu abang saya

—> Bomba yang memadam kebakaran itu ialah abang saya

(b) Peluasan frasa nama sebagai predikat

Peluasan Frasa Nama sebagai predikat dapat dilakukan dengan memancarkan frasa relatif yang bagi menggantikan frasa nama yang sama atau serupa dengan predikat yang digugurkan. Contoh:

Ibu membeli sayur

Sayur itu segar

—> Ibu membeli sayur yang segar

(c) Peluasan dengan kata hubung

Peluasan ayat dengan kata hubung boleh berlaku dengan menggunakan kata hubung bagi menggabungkan dua atau lebih ayat yang sama dengan menggunakan kata hubung seperti *dan*, *tetapi*, *serta*, *lalu*, *jika*, *walaupun*, *sungguhpun*, *kerana* dan sebagainya. Contoh:

Norihan suka belajar

Rohaida suka belajar

—▶ Norihan dan Rohaida suka belajar

Dalam contoh tersebut kata hubung *dan* telah digunakan bagi peluasan ayat tersebut.

Chin selalu melayari Internet.

Segaran selalu melayari Internet.

—▶ Chin dan Segaran selalu melayari Internet.

(d) Peluasan melalui proses komplementasi

Peluasan melalui proses komplementasi bermaksud proses yang mengubah sesuatu ayat menjadi satu frasa nama, dan memancangkan ayat tersebut kepada satu ayat lain sehingga menghasilkan peluasan kepada ayat tersebut. Contoh:

Media massa melaporkan (sesuatu).

Bilangan pelancong asing yang datang ke Malaysia semakin meningkat.

—▶ Media massa melaporkan bahawa bilangan pelancong asing yang datang ke Malaysia semakin meningkat.

10.2 Penggunaan Ayat Terbitan

- i. Contoh penggunaan ayat terbitan dalam rencana

Menghargai Warisan Malaysia

Oleh: Ibrahim Komoo

Pada 2005 apabila Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) dikuatkuasakan, takrifan sumber warisan diperluas kepada warisan tabii, warisan kebudayaan ketara dan tidak ketara, warisan kebudayaan di bawah air dan harta karun. Jabatan Warisan Kebangsaan telah diamanahkan untuk melaksanakan peranan ini atas nasihat Majlis Warisan Kebangsaan.

Sejak itu, Jabatan Warisan Kebangsaan berusaha untuk menjalankan peranannya sebaik mungkin. Namun, terdapat beberapa cabaran sehingga pencapaian untuk memelihara tapak bernilai warisan kebangsaan menjadi amat terbatas. Usaha pemuliharaan dan pemeliharaan tapak warisan kebangsaan sukar dilaksanakan kerana kesedaran awam masih terhad, kekurangan maklumat saintifik bagi membuktikan nilai warisan, dan isu tadbir urus antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri.

Kefahaman dalam kalangan masyarakat Malaysia mengenai warisan tabii, iaitu warisan geologi dan kepelbagaian biologi masih sangat terbatas. Bagi mereka, hutan, gunung-ganang, sungai dan air terjun ialah sumber alam yang hanya sesuai untuk dimanfaatkan bagi pembangunan ekonomi dan rekreasi. Sebenarnya, warisan ini sebahagian daripada sejarah tamadun manusia dan sesetengahnya bernilai luar biasa.

Sejarah Semenanjung Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak atau Malaysia bermula sejak 550 juta tahun lampau di kawasan Gunung Mat Chinchang, Langkawi. Hidupan terawal penghuni tanah air kita ialah sejenis haiwan bernama trilobit mulai membiak pada usia 500 juta tahun, diikuti dengan kepelbagaian tumbuhan berbunga sekitar 145 juta tahun. Gunung Kinabalu di Sabah hanya mula terbentuk kurang daripada 10 juta tahun lalu. Semua rekod saintifik mengenai sejarah bumi tersimpan di dalam batuan dan tapak penemuannya pasti mempunyai nilai warisan kebangsaan.

Sumber sejarah membuktikan bahawa sejarah kehadiran manusia di Malaysia dianggarkan bermula sejak 200,000 tahun. Wujud petempatan manusia tertua berusia 40,000 tahun di Gua Niah, Sarawak dan penemuan manusia purba 'Perak Man' berusia 11,000 tahun di Kota Tampan, Perak. Ketamadunan bangsa Melayu pula ditemukan di Sungai Batu, Kedah sejak 600 tahun sebelum Masihi. Sementara itu, sejarah Kesultanan Melayu bermula di Kedah pada abad ke-12 dan di Melaka pada abad ke-14.

Sejarah geologi, arkeologi dan sejarah manusia moden ialah kesinambungan evolusi geologi dan hidupnya yang sering disebut sebagai warisan tabii, sebenarnya juga sebahagian daripada warisan ketamadunan atau budaya bangsa Malaysia.

Isu kesedaran masyarakat dan pengumpulan maklumat saintifik dapat digerakkan jika kita mempunyai program yang terfokus. Dana promosi dan penyelidikan perlu diberi pertimbangan yang tinggi, khususnya oleh kerajaan Persekutuan, institusi swasta dan agensi yang bertanggungjawab pada peringkat negeri. Begitu pun, isu urus tadbir berkaitan dengan hubungan kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri masih perlu ditangani secara berhemah.

Oleh sebab tanah dan sumber asli ialah bidang kuasa kerajaan negeri di Malaysia, maka tanggungjawab mewartakan, membangunkan dan mengurus warisan kebangsaan perlu diserahkan kepada mereka berpandukan mekanisme urus tadbir negeri. Jabatan Warisan Kebangsaan perlu memainkan peranan aktif untuk menggerakkan, mengenal pasti senarai calon, membantu menyediakan dokumen pewartaan dan menyimpan Daftar Warisan Kebangsaan.

Pemilik warisan dan proses pewartaan warisan menjadi tanggungjawab kerajaan negeri, sementara hak pengisytiharan masih di bawah kerajaan Persekutuan berasaskan Akta 645. Kerjasama begini membolehkan isu hak dan tanggungjawab pengurusan sumber kekal di bawah kerajaan negeri manakala penentuan nilai dan kawalan kualiti masih di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

Tapak Warisan Kebangsaan boleh berada di atas tanah kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau persendirian. Hal ini bukan isu yang dapat menghalang rakyat menghormati warisan. Jika suatu objek atau tapak itu dikenal pasti bernilai warisan sama ada bertaraf kebangsaan atau antarabangsa, warisan tersebut tetap diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan. Persoalannya, bagaimanakah kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri berupaya bekerjasama bagi memastikan sesuatu warisan kebangsaan itu dipulihara, dipelihara dan dimanfaatkan untuk kebanggaan dan kesejahteraan bangsa?

Dipetik dan diubah suai daripada:

<https://www.utusan.com.my/rencana/utama/menghargai-warisan-malaysia-1.794028>

Kategori Ayat	Contoh Ayat
jenis : ayat penyata ragam : ayat aktif susunan : ayat biasa binaan : ayat majmuk pola ayat : FN+FK	Jabatan Warisan Kebangsaan perlu memainkan peranan aktif untuk menggerakkan, mengenal pasti senarai calon, membantu menyediakan dokumen pewartaan dan menyimpan Daftar Warisan Kebangsaan.
jenis : ayat penyata susunan : ayat biasa binaan : ayat majmuk pola ayat: FN+FK	Jabatan Warisan Kebangsaan berusaha untuk menjalankan peranannya sebaik mungkin.
jenis : ayat penyata ragam : ayat pasif susunan : ayat biasa binaan : ayat majmuk pola ayat: FN+FK	Dana promosi dan penyelidikan perlu diberi pertimbangan yang tinggi.
jenis : ayat penyata susunan : ayat biasa binaan : ayat majmuk pola ayat: FN+FA	Kefahaman dalam kalangan masyarakat Malaysia mengenai warisan tabii, iaitu warisan geologi dan kepelbagaian biologi masih sangat terbatas.
jenis : ayat penyata susunan : ayat biasa binaan : ayat majmuk pola ayat: FN+FN	Hal ini bukan isu yang dapat menghalang rakyat menghormati warisan.

Kategori Ayat	Contoh Ayat
jenis : ayat penyata ragam : ayat aktif susunan : ayat biasa binaan : ayat majmuk pola ayat: FN+FK	Sumber sejarah membuktikan bahawa sejarah kehadiran manusia di Malaysia dianggarkan bermula sejak 200,000 tahun.
jenis : ayat penyata ragam : ayat pasif susunan : ayat songsang binaan : ayat majmuk pola ayat: FN+FK	Jika suatu objek atau tapak itu dikenal pasti bernilai warisan sama ada bertaraf kebangsaan atau antarabangsa, warisan tersebut tetap diiktiraf sebagai Warisan Kebangsaan.

ii. Contoh kesalahan dalam ayat terbitan

Ayat Salah	Ayat Betul	Penjelasan
Tolong jangan bising di dalam pusat sumber.	Jangan bising di dalam pusat sumber.	Dua kata perintah tidak boleh hadir serentak dalam ayat perintah.
Tuan Pengetua saya akan temui esok	Tuan Pengetua akan saya temui esok	Dalam ayat pasif diri pertama dan diri kedua, binaan kata ganti nama diri + kata kerja pasif merupakan bentuk terikat dan tidak boleh disisipkan dengan perkataan yang lain.
Jururawat itu yang merawat pesakit kakak saya	Jururawat yang merawat pesakit itu kakak saya	Kata ganti nama tunjuk itu mesti berada pada kedudukan yang betul sebagai pemisah antara subjek dengan predikat.
Semua orang tahu yang dia anak Pak Hamid.	Semua orang tahu bahawa dia anak Pak Hamid.	Dalam ayat ini, kata hubung pancangan komplemen <i>bahawa</i> mesti digunakan.
Tidak saya terangkat meja yang berat itu.	Tidak terangkat oleh saya meja yang berat itu.	Ayat ini ialah ayat pasif songsang. Untuk kata kerja transitif berimbuhan teR-, bentuk pasifnya mestilah mengikut binaan teR- + oleh + kata ganti nama diri (pertama, kedua dan ketiga)

10.3 Latihan Pengukuhan

Tukarkan ayat asal di bawah kepada ayat terbitan.

PROSES PENGGUGURAN		
Bil.	Ayat Asal	Ayat Terbitan
i.	Pengguguran Frasa Nama sebagai Subjek (dalam ayat perintah)	
	(a) Awak semua pergi dari sini.	
	(b) Anda boleh masuk sekarang.	
ii.	Pengguguran Subjek dan Kata Bantu yang Serupa dalam Ayat Majmuk.	
	(a) Sharina boleh menyanyi.	
	(b) Sharina boleh menari.	
iii.	Pengguguran Seluruh Frasa Predikat yang Sama dalam Ayat Majmuk.	
	(a) Bendera Malaysia lambang negara.	
	(b) Lagu kebangsaan lambang negara.	
iv.	Pengguguran Bahagian Frasa Predikat yang Berfungsi sebagai Peluasan.	
	Romzi tidak terpilih menyertai pertandingan itu.	
v.	Pengguguran Frasa Nama yang Mendahului Frasa Relatif	
	Gadis India yang memakai baju kebaya itu adik saya.	
vi.	Pengguguran Kata Nama yang Berfungsi sebagai Inti dalam Frasa Nama	
	Kegiatan bersenam boleh menyihatkan badan.	

PROSES PELUASAN		
Bil.	Ayat Asal	Ayat Terbitan
i.	Peluasan Frasa Nama Sebagai Subjek	
	Bayi itu anak Puan Erina. Bayi itu minum susu.	
ii.	Peluasan Frasa Nama Sebagai Predikat	
	Zahid menemani budak itu. Budak itu keseorangan.	
iii.	Peluasan Dengan Kata Hubung	
	Pak Cik Osman tidak pernah bersekolah. Pak Osman berbudi bahasa.	
iv.	Peluasan Melalui Proses Komplementasi	
	Pengacara itu mengumumkan sesuatu. Pertandingan itu terpaksa dibatalkan.	

Jawapan

PROSES PENGGUGURAN		
Bil.	Ayat Asal	Ayat Terbitan
i.	Pengguguran Frasa Nama sebagai Subjek (dalam ayat perintah)	
	(a) Awak semua pergi dari sini.	Pergi dari sini.
	(b) Anda boleh masuk sekarang.	Boleh masuk sekarang.
ii.	Pengguguran Subjek dan Kata Bantu yang Serupa dalam Ayat Majmuk.	
	(a) Sharina boleh menyanyi.	Sharina boleh menyanyi dan menari.
	(b) Sharina boleh menari.	

PROSES PENGGUGURAN		
Bil.	Ayat Asal	Ayat Terbitan
iii.	Pengguguran Seluruh Frasa Predikat yang Sama dalam Ayat Majmuk.	
	(a) Bendera Malaysia lambang negara. (b) Lagu kebangsaan lambang negara.	Bendera Malaysia dan lagu kebangsaan lambang negara.
iv.	Pengguguran Bahagian Frasa Predikat yang Berfungsi sebagai Peluasan.	
	Romzi tidak terpilih untuk menyertai pertandingan itu.	Romzi tidak terpilih untuk menyertai pertandingan itu.
v.	Pengguguran Frasa Nama yang Mendahului Frasa Relatif	
	Gadis India yang memakai baju kebaya itu adik saya.	Yang memakai baju kebaya itu adik saya.
vi.	Pengguguran Kata Nama yang Berfungsi sebagai Inti dalam Frasa Nama	
	Kegiatan bersenam boleh menyihatkan badan.	Bersenam boleh menyihatkan badan.

PROSES PELUASAN		
	Ayat Asal	Ayat Terbitan
i.	Peluasan Frasa Nama Sebagai Subjek	
	(a) Bayi itu anak Puan Erina. (b) Bayi itu minum susu.	Bayi yang minum susu itu anak Puan Erina.
ii.	Peluasan Frasa Predikat	
	(a) Zahid menemani budak itu. (b) Budak itu keseorangan.	Zahid menemani budak yang keseorangan itu.
iii.	Peluasan Dengan Kata Hubung	
	(a) Pak Cik Osman tidak pernah bersekolah. (b) Pak Osman berbudi bahasa.	Pak Cik Osman tidak pernah bersekolah tetapi berbudi bahasa.
iv.	Peluasan Melalui Proses Komplementasi	
	(a) Pengacara itu mengumumkan sesuatu. (b) Pertandingan itu terpaksa dibatalkan.	Pengacara itu mengumumkan bahawa pertandingan itu terpaksa dibatalkan.

10.4 Cadangan Aktiviti

1. Tulis rencana tentang kepentingan mempertahankan budaya pelbagai etnik di Malaysia. Gunakan laras rencana dalam aktiviti ini.
2. Sediakan teks syarahan tentang sumbangan sains dalam usaha untuk memelihara dan memulihara warisan negara. Gunakan laras sains dalam aktiviti ini.

11.0 AYAT TUNGGAL SUSUNAN BIASA DAN SUSUNAN SONGSANG SERTA AYAT MAJMUK



STANDARD KANDUNGAN	
5.3 Memahami dan menggunakan ayat yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.3.3 <u>Mengenal pasti</u> dan <u>menggunakan ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang</u> , dan <u>ayat majmuk</u> yang betul mengikut konteks.	5.3.3 <u>Memahami</u> dan <u>menggunakan</u> ayat majmuk yang betul mengikut konteks.

11.1 Definisi


Ayat Tunggal

- (i) Ayat tunggal ialah ayat yang mengandungi satu klausa sahaja, iaitu satu unit rangkaian perkataan yang mengandungi satu subjek dan satu predikat.
- (ii) Ayat tunggal terbit daripada ayat dasar. Binaan ayat tunggal menyamai binaan ayat dasar hanya dari segi bilangan subjek dan bilangan predikat, iaitu satu subjek dan satu predikat.
- (iii) Perbezaan antara ayat tunggal dengan ayat dasar pula dapat dilihat dari segi
 - jenis ayat tunggal yang tidak semestinya ayat penyata,
 - susunan ayat tunggal yang tidak semestinya susunan biasa, dan
 - ragam ayat tunggal yang tidak semestinya ayat aktif jika predikatnya frasa kerja transitif
 - Subjek dan predikat dalam ayat tunggal boleh mengalami peluasan yang tidak menggunakan kata hubung. Tiada peluasan dalam ayat dasar.

Ayat Majmuk

Ayat majmuk ialah beberapa ayat tunggal yang dicantumkan dengan menggunakan kata hubung. Ayat majmuk mempunyai subjek **dan/atau** predikat yang lebih daripada satu.

Pada umumnya, menurut Tatabahasa Dewan, ayat majmuk terbahagi kepada **tiga** jenis, iaitu **ayat majmuk gabungan**, **ayat majmuk pancangan**, dan **ayat majmuk campuran**. Walau bagaimanapun, dalam kehidupan sehari-hari, pengguna bahasa sebenarnya juga sering menggunakan satu lagi kategori ayat majmuk yang terbina daripada kata hubung berpasangan, iaitu **ayat majmuk berpasangan**.



Jenis Ayat Majmuk	Ciri-ciri	Contoh
Gabungan	Ayat majmuk gabungan terdiri daripada ayat-ayat tunggal yang setara. Kata hubung gabungan yang biasa digunakan adalah seperti dan, tetapi, lalu, sambil, justeru, kecuali , dan manakala .	i. Murid-murid itu menutup pintu bilik darjah lalu menuruni tangga. ii. Anggota bomba itu sangat berani tetapi bernasib malang.
Pancangan	Ayat majmuk pancangan terbina daripada satu ayat induk dan beberapa ayat kecil yang dipancarkan pada ayat induk tersebut. Ayat majmuk pancangan terbahagi kepada tiga, yakni pancangan relatif (Kata hubung : yang) , pancangan komplemen (Kata hubung : bahawa / untuk*) dan pancangan keterangan (Kata hubung : kerana, jikalau, kecuali, ketika, oleh sebab, apabila, supaya, agar, dengan, *untuk, seperti, seolah-olah ...)	i. Mangsa yang terkorban dalam kemalangan jalan raya itu ialah jiran saya. ii. Untuk kerajaan menguatkuasakan undang-undang tersebut sepenuhnya akan mengambil masa yang lama. iii. Rencana itu menjelaskan bahawa satu daripada aspek keselamatan utama ialah keselamatan kanak-kanak. iv. Kita mestilah sentiasa berwaspada kerana malang tidak berbau.

Jenis Ayat Majmuk	Ciri-ciri	Contoh
Campuran	Ayat majmuk campuran ialah ayat yang mengandungi lebih daripada satu jenis ayat, yakni terdiri daripada campuran ayat tunggal dengan ayat majmuk atau deretan berbagai-bagai jenis ayat majmuk.	i. Statistik daripada Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia membuktikan bahawa tahap kesedaran yang amat rendah tentang kepentingan keselamatan lalu lintas telah menjadi punca berlakunya nahas yang amat dahsyat itu.
Berpasangan	Ayat majmuk berpasangan terbentuk daripada kata hubung berpasangan.	i. Baik murid mahupun guru tidak dibenarkan memasuki bilik itu. ii. Jangan membeli rumah, menyewa rumah pun saya tidak mampu. iii. Perkara yang ditularkan dalam media sosial itu entah benar entah tidak. iv. Daripada tidak berbuat apa-apa, lebih baik saya mengajar budak itu menulis.

11.2 Penggunaan Ayat Tunggal Susunan Biasa, Susunan Songsang dan Ayat Majmuk

- i. Contoh penggunaan ayat tunggal susunan biasa dan susunan songsang dalam panduan penggunaan ubat titis mata

Ubat titis mata merupakan sediaan steril (bebas daripada kuman). Ubat ini sering digunakan oleh pesakit mata. Ubat ini merawat masalah pada bahagian mata. Ada pelbagai jenis sediaan ubat mata di pasaran. Ubat mata ini mempunyai pelbagai tujuan penggunaan.

Kebiasaannya ubat titis mata digunakan dalam masalah atau keadaan seperti yang berikut:

Masalah / keadaan mata	Bahan dalam ubat titis mata
Jangkitan mata (contohnya: konjunktivitis, jangkitan kornea dan sebagainya)	Antibiotik, antifungal atau steroid
Selepas pembedahan	Antibiotik, air mata tiruan
Penggunaan kanta lekap	Bahan pelembap

Masalah / keadaan mata	Bahan dalam ubat titis mata
Mata kering	Bahan pelembap
Alahan (mata kemerahan, gatal, berair)	Antihistamin, air mata tiruan

Cara Penggunaan Ubat Titis Mata


Cara penggunaan semua jenis sediaan ubat titis mata adalah sama.



1. Anda dikehendaki mencuci tangan. Semasa mencuci tangan, anda mesti menggunakan air dan sabun sehingga bersih.
2. Lap kawasan mata dengan kain. Kain mestilah bersih. Lap kawasan mata dengan tisu. Langkah ini untuk pembuangan kotoran. Kotoran melekat pada kawasan mata.
3. Buka penutup botol ubat titis mata.



4. Dongakkan kepala ke belakang.
5. Tarik bahagian bawah kelopak mata sehingga mempunyai ruang yang mencukupi untuk menitisikan ubat.
6. Dekatkan penitis ke bahagian bawah kelopak mata. Anda mesti memastikan hujung penitis tidak menyentuh mana-mana bahagian mata.



7. Picit botol ubat titis mata. Pastikan ubat masuk ke dalam mata.
8. Tutup mata selama dua hingga tiga minit. Elakkan diri daripada memejam mata dengan kuatnya. Elakkan diri daripada mengerlipkan mata supaya ubat tidak mengalir keluar.
9. Dengan kain bersih, sapu lebihan ubat titis mata.
10. Selepas lima minit, ulang langkah di atas. Jika perlu, gunakan ubat titis mata pada bahagian mata yang sama.

Sumber gambar: wikihow.com

Contoh ayat tunggal susunan biasa:

- i. Cara penggunaan semua jenis sediaan ubat titis mata (**S**) adalah sama (**P**). (FN+FA)
- ii. Ubat titis mata (**S**) merupakan sediaan steril (**P**). (FN+FK)
- iii. Ubat ini (**S**) sering digunakan oleh pesakit mata (**P**). (FN+FK)
- iv. Ubat ini (**S**) merawat masalah pada bahagian mata (**P**). (FN+FK)
- v. Ubat mata ini (**S**) mempunyai pelbagai tujuan penggunaan (**P**). (FN+FK)
- vi. Anda (**S**) dikehendaki mencuci tangan (**P**). (FN+FK)
- vii. Lap kawasan mata dengan kain. (FN+FK) *Ayat Perintah (*berlakunya pengguguran subjek*)
(Asal : Anda (**S**) mengelap kawasan mata dengan kain (**P**).)
- viii. Kain (**S**) mestilah bersih (**P**). (FN+FA)
- ix. Langkah ini (**S**) untuk pembuangan kotoran (**P**). (FN+FS)
- x. Kotoran (**S**) melekat pada kawasan mata (**P**). (FN+FK)
- xi. Buka penutup botol ubat titis mata. (FN+FK) *Ayat Perintah (*berlakunya pengguguran subjek*)
(Asal: Anda (**S**) membuka penutup botol ubat titis mata (**P**))
- xii. Dongakkan kepala ke belakang. (FN+FK) – Ayat Perintah
(Asal: Anda (**S**) mendongakkan kepala ke belakang (**P**))
- xiii. Anda (**S**) mesti memastikan hujung penitis tidak menyentuh mana-mana bahagian mata (**P**). (FN+FK)
- xiv. Elakkan diri daripada memejam mata dengan kuatnya. (FN+FK) – *Ayat Perintah (*berlakunya pengguguran subjek*)
(Asal: Anda (**S**) mengelakkan diri daripada memejam mata dengan kuatnya (**P**))

Contoh ayat tunggal susunan songsang:

- i. Ada / **pelbagai jenis sediaan ubat mata** / di pasaran. (FN + FK)
Predikat (P) Subjek (S) Keterangan Predikat (KetP)
- ii. Dengan kain bersih, sapu lebihan ubat titis mata. (FN+FK) - * Ayat Perintah (*berlakunya pengguguran subjek*)
(Asal:
Susunan songsang : Dengan kain bersih (KetP), anda (S) menyapu lebihan ubat titis mata (P);
Susunan biasa : Anda menyapu lebihan ubat titis mata dengan kain bersih)
- iii. Selepas lima minit, ulang langkah di atas. (FN+FK) -*Ayat Perintah (*berlakunya pengguguran subjek*)

(Asal:

Susunan songsang: Selepas lima minit (KetP), anda (S) mengulang langkah di atas (P).

Susunan biasa : Anda mengulang langkah di atas selepas lima minit.)

ii. Contoh Penggunaan Ayat Majmuk dalam Berita

TAK PATUH PASANG KERUSI KESELAMATAN

Oleh: Fatin Hafizah Mohd Shahr

KUALA LUMPUR: Kesedaran ibu bapa tentang kepatuhan menyediakan kerusi keselamatan untuk anak di dalam kenderaan masih rendah sehingga meningkatkan risiko kemalangan maut.

Kajian Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) sepanjang tempoh Ops Bersepadu bersempena dengan musim perayaan tahun lalu mendapati bahawa hanya 25 peratus pemakaian kerusi keselamatan kanak-kanak dipatuhi. **Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran yang diharapkan masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.**

Menurut Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamarudin Jaffar, penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak di dalam kenderaan dapat mengurangkan peratus kematian dan impak kecederaan sebagai akibat daripada kemalangan jalan raya. Katanya, **statistik kemalangan 2017 mencatatkan bahawa sebanyak 73 orang kanak-kanak yang berusia antara enam hingga 10 tahun meninggal akibat kemalangan jalan raya namun 28 daripada jumlah itu ialah penunggang dan pembonceng motosikal.**

“Statistik kemalangan yang membabitkan bayi dan kanak-kanak mencecah 10 tahun kian meningkat setiap tahun bermula dari tahun 2013,” katanya lagi.

“Penggunaan kerusi bayi dan kanak-kanak di dalam kenderaan berupaya untuk mengurangkan risiko kematian sehingga 71 peratus tetapi kerusi tersebut perlu dipasang dan digunakan dengan betulnya,” katanya dalam majlis advokasi keselamatan jalan raya di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Seri Shahrudin Khalid; Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Datuk Rosli Isa dan Ketua Pengarah MIROS, Dr Siti Zaharah Ishak.

Untuk mewajibkan peraturan pemasangan kerusi keselamatan bayi di dalam setiap kereta persendirian pada tahun 2020, pelbagai program dianjurkan dengan kerjasama organisasi dan syarikat.

“Antaranya, usaha menggalakkan pengeluar kereta mematuhi arahan penyediaan sistem kerusi keselamatan kanak-kanak giat dijalankan oleh JPJ.

“Setakat ini, arahan itu sudah mula dilaksanakan oleh pelbagai pengeluar kereta, namun pelaksanaan itu lebih bertumpu pada persediaan untuk mematuhi standard dalam negara.

“Bagi meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan, kerjasama pemberian kerusi keselamatan kanak-kanak turut dirangka,” katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, pemakaian tali pinggang keledar untuk kanak-kanak dengan umur dan saiz bersesuaian di dalam kereta juga dapat mengurangkan risiko kecederaan serius atau maut apabila berlaku kemalangan.

Katanya, penggunaan kerusi tambahan dapat mengurangkan risiko kecederaan serius untuk kanak-kanak berusia antara empat hingga lapan tahun.

Di Eropah, penggunaan tali pinggang keledar ialah keutamaan sebelum pengguna jalan raya memulakan perjalanan selain pemasangan kerusi keselamatan kanak-kanak yang turut diwajibkan. Namun begitu, **untuk rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat membudayakan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak sesungguhnya tidak mudah.**

“Bagi kanak-kanak berusia lapan tahun ke atas dan orang dewasa, penggunaan tali pinggang keledar dapat mengurangkan risiko kematian dan kecederaan serius.

“Penggunaan tali pinggang keledar bukan sahaja dapat mengurangkan impak risiko kematian, malah kecederaan serius terhadap pemandu dan penumpang di bahagian depan juga dapat dielakkan,” katanya.

Dipetik dan diubah suai daripada:

<https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/01/519273/tak-patuh-pasang-kerusi-keselamatan>

Ayat Majmuk Terpilih	Kata Hubung	Jenis Ayat Majmuk
Kesedaran ibu bapa tentang kepatuhan menyediakan kerusi keselamatan untuk anak di dalam kenderaan masih rendah sehingga meningkatkan risiko kemalangan maut.	Sehingga(keterangan)	Ayat majmuk pancangan keterangan
Hal ini menunjukkan bahawa kesedaran yang diharapkan masih tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.	Bahawa (komplemen), Yang (relatif)	Ayat majmuk campuran
Statistik kemalangan 2017 mencatatkan bahawa sebanyak 73 orang kanak-kanak yang berusia antara enam hingga 10 tahun meninggal akibat kemalangan jalan raya namun 28 daripada jumlah itu ialah penunggang dan pembonceng motosikal.	Bahawa (komplemen) Yang (relatif) Namun (keterangan) Dan (gabungan)	Ayat majmuk campuran

Ayat Majmuk Terpilih	Kata Hubung	Jenis Ayat Majmuk
Penggunaan kerusi bayi dan kanak-kanak di dalam kenderaan berupaya untuk mengurangkan risiko kematian sehingga 71 peratus tetapi kerusi tersebut perlu dipasang dan digunakan dengan betul.	Dan (gabungan) Untuk (keterangan) Tetapi (keterangan) Dan (gabungan)	Ayat majmuk campuran
Untuk mewajibkan peraturan pemasangan kerusi keselamatan bayi di dalam setiap kereta persendirian pada tahun 2020, pelbagai program dianjurkan dengan kerjasama organisasi dan syarikat.	Untuk(keterangan) Dan (gabungan)	Ayat majmuk campuran
Bagi meringankan bebanan keluarga yang kurang berkemampuan, kerjasama pemberian kerusi keselamatan kanak-kanak turut dirangka.	Bagi (keterangan) Yang (relatif)	Ayat majmuk campuran
Untuk rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat membudayakan penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak sesungguhnya tidak mudah.	Untuk (komplemen)	Ayat majmuk pancangan komplemen
Penggunaan tali pinggang keledar bukan sahaja dapat mengurangkan impak risiko kematian, malah kecederaan serius terhadap pemandu dan penumpang di bahagian depan juga dapat dielakkan.	Bukan sahaja...malah	Ayat majmuk berpasangan

iii. Contoh kesalahan ayat majmuk

Salah	Betul	Penjelasan
Lauk sudah lama dihidangkan oleh ibu dan belum dimakan.	Lauk sudah lama dihidangkan oleh ibu tetapi belum dimakan.	Kesalahan penggunaan kata hubung gabungan
Kita perlu memandang ke kiri dan kanan sebelum melintas jalan.	Kita perlu memandang ke kiri dan ke kanan sebelum melintas jalan.	Ayat majmuk gabungan yang mempunyai dua frasa sendi nama "ke" perlu dikekalkan kata sendi nama tersebut pada unsur kedua.
Saya berdoa ayah selamat menjalani pembedahan itu.	Saya berdoa semoga/agar ayah selamat menjalani pembedahan itu.	Ayat majmuk pancangan perlu ada kata hubung pancangan apabila menghubungkan klausa utama dengan klausa tak bebas.

Salah	Betul	Penjelasan
Lelaki tampan itu abang saya.	Lelaki yang tampan itu abang saya.	Ayat ini sepatutnya ayat majmuk yang terbina daripada <ol style="list-style-type: none"> Lelaki itu tampan. Lelaki itu abang saya.
Pakaian itu yang cantik dihadiahkan oleh lelaki itu.	Pakaian yang cantik itu dihadiahkan oleh lelaki itu.	Kata ganti nama tunjuk “itu” mesti diletakkan selepas unsur penerang yang mengandungi kata hubung pancangan relatif (yang)
Meskipun berjawatan tinggi tetapi Ahmad tidak pernah bersikap angkuh.	Meskipun berjawatan tinggi, Ahmad tidak pernah bersikap angkuh.	“meskipun...tetapi” bukan kata hubung berpasangan kerana penggunaannya secara serentak menyebabkan ayat tersebut tidak ada klausa induk(klausa bebas)
Baik yang kaya mahupun miskin mentaati Sultan Melaka.	Baik yang kaya mahupun yang miskin mentaati Sultan Melaka.	“yang” selepas unsur kedua kata hubung berpasangan tidak boleh digugurkan kerana ayat asalnya ialah: <ol style="list-style-type: none"> <i>Yang kaya</i> (Subjek – FN) mentaati Sultan Melaka. <i>Yang miskin</i> (Subjek – FN) mentaati Sultan Melaka
Wanita itu menjelaskan yang perutnya teramat sakit.	Wanita itu menjelaskan bahawa perutnya teramat sakit.	Ayat ini memperlihatkan kesalahan penggunaan kata hubung pancangan relatif (yang). Dalam konteks ini, kata hubung pancangan komplemen “bahawa” harus digunakan.
Begitu mudah Rizal menyelesaikan masalah itu.	Begitu mudah untuk Rizal menyelesaikan masalah itu.	Kata hubung pancangan komplemen “untuk” tidak boleh digugurkan dalam ayat majmuk pancangan komplemen.

11.3 Latihan Pengukuhan

- i. Susun perkataan dan frasa di bawah supaya menjadi satu ayat tunggal susunan biasa dan satu ayat tunggal susunan songsang yang gramatis.

- a) SMK Seri Maya Hari Koperasi berlangsung dengan meriahnya.

Jawapan:

Ayat Tunggal Susunan Biasa:

Hari Koperasi SMK Seri Maya berlangsung dengan meriahnya.

Ayat Tunggal Susunan Songsang:

Berlangsung dengan meriahnya Hari Koperasi SMK Seri Maya.

- b) Pengarah Dato' Seri Kolej Universiti Islam itu Dr.Jamal Hidayat

Jawapan:

Ayat Tunggal Susunan Biasa:

Pengarah Kolej Universiti Islam itu Dato' Seri Dr.Jamal Hidayat.

Ayat Tunggal Susunan Songsang:

Dato' Seri Dr.Jamal Hidayat Pengarah Kolej Universiti Islam itu.

- c) sungguh cantik milik pengusaha kosmetik itu rumah agam

Jawapan:

Ayat Tunggal Susunan Biasa:

Rumah agam milik pengusaha kosmetik itu sungguh cantik.

Ayat Tunggal Susunan Songsang:

Sungguh cantik rumah agam milik pengusaha kosmetik itu.

- d) di tepi kolam sedang beberapa orang budak memancing ikan
sekolah

Jawapan:

Ayat Tunggal Susunan Biasa:

Beberapa orang budak sekolah sedang memancing ikan di tepi kolam.

Ayat Tunggal Susunan Songsang:

Sedang memancing ikan di tepi kolam beberapa orang budak sekolah.

e)

daripada

rantai emas itu

tunangnya, Rashidi

Jawapan:

Ayat Tunggal Susunan Biasa:

Rantai emas itu daripada tunangnya, Rashidi.

Ayat Tunggal Susunan Songsang:

Daripada tunangnya, Rashidi rantai emas itu.

ii. Gabungkan ayat yang berikut dengan menggunakan kata hubung yang sesuai supaya menjadi ayat majmuk yang gramatis.

Soalan 1:

- a. Lelaki itu memakai tali leher merah.
- b. Lelaki itu berkemeja putih.
- c. Lelaki itu merupakan pengetua baharu sekolah itu.
- d. Sekolah itu terpilih sebagai Sekolah Transformasi baru-baru ini.

Jawapan:

Lelaki yang memakai tali leher merah dan berkemeja putih itu merupakan pengetua baharu sekolah yang terpilih sebagai Sekolah Transformasi baru-baru ini.

Soalan 2:

- a. Borhan pengawas sekolah.
- b. Borhan bersahsiah mulia.
- c. Borhan selalu mendapat pujian daripada guru-gurunya.
- d. Borhan tidak pernah sombong.
- e. Bagi Borhan, sikap sombong amat dibenci orang.
- f. Sikap sombong menggambarkan personaliti negatif seseorang itu.

Jawapan:

Walaupun Borhan pengawas sekolah yang bersahsiah mulia dan selalu mendapat pujian daripada guru-gurunya, dia tidak pernah sombong kerana bagi Borhan, sikap sombong bukan sahaja amat dibenci orang, malah menggambarkan personaliti negatif seseorang itu.

iii. Cerakinkan ayat yang berikut kepada ayat-ayat tunggal.

Soalan 1:

Kendatipun sudah bertahun-tahun lamanya Syarifah menetap di luar negara, dia bukan sahaja tidak pernah terpengaruh oleh budaya Barat yang bertentangan dengan kesantunan masyarakat ketimuran justeru dia senantiasa menyatakan bahawa budi pekerti amat penting baik di kampung mahupun di bandar.

Jawapan:

Sudah bertahun-tahun lamanya Syarifah menetap di luar negara.
Dia tidak pernah terpengaruh oleh budaya Barat.
Budaya Barat bertentangan dengan kesantunan masyarakat ketimuran.
Dia senantiasa menyatakan sesuatu.
Budi pekerti amat penting di kampung.
Budi pekerti amat penting di bandar.

Soalan 2:

Reza dan Fahmi menjelaskan bahawa untuk mereka menerima hakikat kematian rakan karib mereka itu amat susah kerana rakan tersebut masih dalam keadaan sihat pada pagi itu walaupun dia ada mengadu bahawa kepalanya sakit.

Jawapan:

Reza menjelaskan sesuatu.
Fahmi menjelaskan sesuatu.
Mereka menerima hakikat kematian rakan karib mereka itu.
Perkara itu amat susah.
Rakan tersebut masih dalam keadaan sihat pada pagi itu.
Rakan tersebut ada mengadu sesuatu.
Kepalanya sakit.

Soalan 3:

Betulkan ayat yang berikut:

1. Leela bernyanyi sementara menari dengan rancaknya.
2. Kamu hendak ke Planetarium Negara atau Pusat Sains Negara?
3. Penduduk kampung mempercayai tragedi yang luar biasa itu disebabkan oleh ilmu sihir.
4. Langkah membudayakan amalan kitar semula sedang gigih diusahakan oleh pihak kerajaan.
5. Meskipun hujan turun dengan lebatnya namun nelayan itu tetap ke laut.


Jawapan:

1. Leela bernyanyi **sambil** menari dengan rancaknya.
2. Kamu hendak ke Planetarium Negara atau **ke** Pusat Sains Negara?
3. Penduduk kampung mempercayai **bahawa** tragedi yang luar biasa itu disebabkan oleh ilmu sihir.
4. Langkah **untuk** membudayakan amalan kitar semula sedang gigih diusahakan oleh pihak kerajaan.
5. Meskipun hujan turun dengan lebatnya nelayan itu tetap ke laut.

11.4 Cadangan Aktiviti

Tugas berkumpulan: Jelaskan cara menjaga keselamatan diri semasa berada di pelbagai tempat yang berlainan. Gunakan laras bahasa harian dalam aktiviti ini.

12.0 AYAT PENYATA, AYAT TANYA, AYAT PERINTAH DAN AYAT SERUAN



STANDARD KANDUNGAN	
5.3 Memahami dan menggunakan ayat yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
5.3.4 <u>Mengenal pasti</u> dan <u>menggunakan ayat nyata, ayat tanya, ayat perintah</u> dan <u>ayat seruan</u> yang betul mengikut konteks.	

12.1 Definisi

Ayat Nyata

Ayat nyata ialah ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan.

Ayat Tanya

Ayat tanya ialah ayat yang digunakan untuk tujuan menanyakan sesuatu hal.

Ayat Perintah

Ayat perintah ialah ayat yang digunakan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.

Ayat Seruan

Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan membawa nada atau intonasi seruan untuk tujuan melahirkan suatu keadaan perasaan, seperti takut, marah, takjub, geram, sakit dan sebagainya.

12.2 Penggunaan Ayat Penyata, Ayat Tanya, Ayat Perintah Dan Ayat Seruan

i. Penggunaan Ayat Penyata, Ayat Tanya, Ayat Perintah Dan Ayat Seruan Dalam Cerpen

Pada petang 13 Mei itu, tunang Mei telah datang untuk menjemputnya seperti biasa di pintu pejabatnya di Jalan Tun Perak (waktu itu bernama Jalan Mountbatten). Suasana di dalam bandar sudah mulai tidak menentu. Dia menawarkan diri kepada Jamilah, teman sepejabatnya untuk menghantarnya pulang. “Awak mahu balik seorang diri sahaja ke Jamilah? Awak tidak risau kalau apa-apa berlaku nanti? Biarlah kami temankan awak balik. Saya risau kalau apa-apa berlaku kepada awak.” Pada mulanya Jamilah enggan menerima pelawaan tersebut. “Janganlah awak risaukan saya, insya-Allah saya akan selamat. Awak pergilah balik, nanti lambat pula sampai ke rumah. Bukankah Sungai Way itu agak jauh dari sini?” Mei menceritakan perbuatannya semula dengan Jamilah pada petang keramat itu. Mei menambah lagi, sebaik mereka berhenti di hadapan rumah Jamilah di Jalan Raja Mahadi, sekumpulan anak muda yang mengikat kepalanya dengan kain merah dan bermuka bengis, bersenjatakan kayu, parang dan pisau telah membuka pintu kereta lalu mengheret tunangnya keluar. “Tolong, jangan apa-apakan saya, Tolonglah jangan ganggu kami.” Lirih suara Mei mengulang dialog yang diujar oleh tunangnya. Namun anak-anak muda yang sudah kemasukan syaitan itu tidak sedikit pun menghiraukan rayuan tunangnya. “Ah, diam kau!” Anak-anak muda itu terus memukul tunangnya. “Aduh, sakitnya!”. Serentak dengan itu dia juga mendengar pekikan Jamilah yang merangkul tubuhnya dari belakang. “Aduh, pedihnya!” Dia dan Jamilah terjatuh. Dia mendengar Jamilah merayu, “Tolong, jangan apa-apakan mereka. Mereka kawan saya! Jangan! Saya sembah!” Peristiwa itu masih segar dalam lipatan ingatan Mei. “Wajarkah saya untuk marah dan berdendam? Siapakah saya untuk menidakkan takdir. Saya percaya pada kata-kata Jamilah, takdir Tuhan tidak dapat dielak. Saya telah kehilangan tunang, tetapi Tuhan telah menggantikan kepada saya seorang ibu, seorang bapa dan seorang adik angkat yang memberikan kasih sayang yang tidak pernah saya terima selama ini, kerana saya seorang anak yatim piatu.”

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen Mellissa, oleh Abdullah Hussain *antalogi Harga Remaja*,2013)

Ayat Penyata

1. Pada petang 13 Mei itu, tunang Mei telah datang untuk menjemputnya seperti biasa di pintu pejabatnya di Jalan Tun Perak (waktu itu bernama Jalan Mountbatten).
2. Suasana di dalam bandar sudah mulai tidak menentu.
3. Dia menawarkan diri kepada Jamilah, teman sepejabatnya untuk menghantarnya pulang.
4. Saya risau kalau apa-apa berlaku kepada awak.
5. Pada mulanya Jamilah enggan menerima pelawaan tersebut.
6. Mei menceritakan perbualannya semula dengan Jamilah pada petang keramat itu.
7. Mei menambah lagi, sebaik mereka berhenti di hadapan rumah Jamilah di Jalan Raja Mahadi, sekumpulan anak muda yang mengikat kepalanya dengan kain merah dan bermuka bengis, bersenjatakan kayu, parang dan pisau telah membuka pintu kereta lalu mengheret tunangnya keluar.
8. Lirih suara Mei mengulang dialog yang diujar oleh tunangnya.
9. Namun anak-anak muda yang sudah kemasukan syaitan itu tidak sedikit pun menghiraukan rayuan tunangnya.
10. Anak-anak muda itu terus memukul tunangnya.
11. Serentak dengan itu, dia juga mendengar pekikan Jamilah yang merangkul tubuhnya dari belakang.
12. Dia dan Jamilah terjatuh.
13. Dia mendengar Jamilah merayu.
14. Peristiwa itu masih segar dalam lipatan ingatan Mei.
15. Saya percaya pada kata-kata Jamilah, takdir Tuhan tidak dapat dielak. Saya kehilangan tunang, tetapi Tuhan telah menggantikan kepada saya seorang ibu, seorang bapa dan seorang adik angkat yang memberikan kasih sayang yang tidak pernah saya terima selama ini, kerana saya seorang anak yatim piatu.

Ayat Tanya

1. Awak mahu balik seorang diri sahaja ke Jamilah?
2. Awak tidak risau kalau apa-apa berlaku nanti?
3. Bukankah Sungai Way itu agak jauh dari sini?
4. Wajarkah saya marah dan berdendam?
5. Siapakah saya untuk menidakkan takdir?

Ayat Seruan

1. Ah, diam kau!
2. Aduh, sakitnya!
3. Aduh, pedihnya!
4. Mereka kawan saya!
5. Jangan!
6. Saya sembah!

Ayat Perintah

1. Biarlah kami temankan awak balik. (ayat permintaan)
2. Janganlah awak risaukan saya, insya-Allah saya akan selamat. (ayat larangan)
3. Awak pergilah balik nanti lambat pula sampai ke rumah. (ayat suruhan)
4. Tolong, jangan apa-apakan mereka. (ayat permintaan)
5. Tolonglah jangan ganggu kami. (ayat permintaan)
6. Tolong, jangan apa-apakan mereka. (ayat larangan)

Nota :

- Ayat perintah terdiri daripada empat jenis iaitu ayat permintaan, ayat larangan, ayat suruhan dan ayat silaan.
- Dalam petikan ini, terdapat tiga jenis ayat perintah sahaja.

- ii. Contoh penggunaan ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah dan ayat seruan dalam teater

**Teater Bangsawan Cinta Puteri Mekar Mewangi
Layu Tak Berseri**



<https://www.youtube.com/watch?v=1M19MidlbN8&feature=youtu.be>

Dipetik dan diubah suai daripada Teater Bangsawan
Cinta Puteri Mekar Mewangi Layu Tak Berseri
karya Sakrani Samsudin *Panggung Bandaraya,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)* 2012
<https://www.youtube.com/watch?v=s3UeyYI3uvw>

Ayat Penyata

1. Beta tidak apa-apa, hanya memikirkan masalah negara.
2. Dalam pemerhatian patik negeri kita makmur rakyat aman damai.
3. Baguslah kalau begitu Datuk Seri Amerta, hanya beta sahaja yang sering berfikir.
4. Tapi Datuk kebelakangan ini hati beta rasa resah dan gelisah, fikiran beta sering bercelaru seumpamanya ada sesuatu yang tidak baik yang akan berlaku pada beta, bahkan seluruh Melaka Datuk.
5. Rasanya sungguh besar anugerah yang telah tuanku berikan kepada kedua-dua waris sebagai penebus kesilapan yang telah lalu.
6. Entahlah, beta sendiri semakin bingung memikirkan hal ehwal kehidupan beta.
7. Tidak beta menyangka perhubungan ini akan saling berkait menimbulkan rasa yang tidak selesa, serba salah beta dibuatnya.
8. Dalam perkiraan patik segala limpah dan kurnia yang tuanku telah berikan kepada kedua waris Seri Wak Diraja nampaknya diterima dengan baik.
9. Tuanku lihat sendiri Paduka Raja Tun Perak begitu memperhambakan diri kepada tuanku dan Melaka bahkan Tun Kudu sebagai Permaisuri Melaka amat dikagumi dan disayangi oleh seluruh penduduk Melaka.
10. Datuk Seri Amerta, hal keduanya itu beta sudah maklum.
11. Tapi, hal kekeluargaan inilah yang amat sukar untuk beta jelaskan.
12. Entahlah Datuk, ditelan mati anak diluahkan mati bapak.
13. Tuanku, begini Tuanku, sekilas ikan di air patik tahu jantan betinanya, keresahan dan kegelisahan tuanku sudah dapat patik membacanya.
14. Keduanya ibarat tangan kanan dan tangan kiri beta.
15. Pertelingkahan kedua-dua saudara beta memundurkan kemakmuran Melaka.
16. Umpama menarik rambut dalam tepung, ditarik perlahan-lahan agar tepung tidak berselerak kerana untuk mengelakkan daripada segala kekeliruan kedua-dua pembesar mempunyai pengikut masing-masing.
17. Jika Seri Amerta punya jalan dan penyelesaian beta menurut saja.
18. Ampun Tuanku, akan patik usahakan.

Ayat Perintah

1. Ampun tuanku, patik masuk mengadap. (ayat permintaan)
2. Datuk Seri Amerta, silakan. (ayat silaan)
3. Ampun tuanku, sembah patik harap diampun. (ayat permintaan)
4. Ampun tuanku. (ayat permintaan)
5. Usahlah tuanku terlalu memikirkan hal kejadian Seri Wak Diraja membunuh diri. (ayat larangan)
6. Ingin patik mendatangkan sembah, takut tuanku murka kepada patik. (ayat permintaan)
7. Silakan Datuk Seri Amerta, beta sudi mendengarkannya. (ayat silaan)
8. Biarlah patik cuba menasihati kedua-duanya. (ayat permintaan)
9. Pertelingkahan kedua-dua saudara beta, perlu dielakkan. (ayat permintaan)

Nota :

- Ayat perintah terdiri daripada empat jenis iaitu ayat permintaan, ayat larangan, ayat suruhan dan ayat silaan.
- Dalam dialog ini, terdapat tiga jenis ayat perintah sahaja.

Ayat Tanya

1. Ke mana gerangnya adindaku Tun Kudu?
2. Apakah ada sesuatu yang mengganggu fikiran Tuanku?
3. Datuk Seri Amerta, bagaimanakah keadaan negeri beta?
4. Bukankah anaknya Tun Kudu telah menjadi permaisuri tuanku, bahkan adiknya Tun Perak pula telah tuanku berikan pangkat dan darjat?
5. Adakah pertelingkahan Datuk Kerma Diraja dengan Paduka Raja Tun Perak jadi puncanya?

Ayat Seruan

1. Tun Kudu!
2. Adinda!
3. Adindaku Tun Kudu!
4. Tuanku!
5. Datuk Seri Amerta!
6. Benar, benar Datuk Seri Amerta!
7. Ah, tapi ingat!

iii. Contoh Kesalahan Umum Penggunaan Ayat Penyata, Ayat Tanya, Ayat Perintah dan Ayat Seruan

Salah	Betul	Penjelasan
“ Ayah sudah balik?” tanya ibu kepada abang. (ayat penyata)	“ Ayah sudah balik?” tanya ibu kepada abang. (ayat tanya tanpa kata tanya)	Binaan ayat tanya tidak semestinya menggunakan kata tanya. Ayat tanya tanpa kata tanya lazimnya digunakan dengan nada suara meninggi.
Amboi! cantiknya baju awak. (ayat seruan)	Amboi, cantiknya baju awak! (ayat seruan)	Penggunaan tanda seru perlu diletakkan di hujung ayat.

Salah	Betul	Penjelasan
Ampun tuanku, sembah patik harap diampun. (ayat perintah-jenis ayat silaan).	Ampun tuanku, sembah patik harap diampun. (ayat perintah-jenis ayat permintaan).	Ayat perintah terdiri daripada empat jenis ayat: a. Ayat permintaan b. Ayat suruhan c. Ayat larangan d. Ayat silaan
Ampun tuanku, patik masuk mengadap. (ayat penyata)	Ampun tuanku, patik masuk mengadap. (ayat perintah-jenis ayat permintaan)	Ayat penyata merupakan ayat untuk menyatakan sesuatu atau memberikan keterangan, manakala ayat permintaan ialah ayat yang menggunakan kata permintaan dengan tujuan memohon permintaan dan pertolongan.

12.3 Latihan Pengukuhan

Kenal pasti pelbagai jenis ayat berdasarkan petikan cerpen di bawah.

“Hai, budak tempang! Jangan tunjuk lagak di sini. Jangan kau ingat, kau bijak dan pandai dalam semua mata pelajaran, orang akan suka kepada kau. Menyampah aku tengok muka kau, tahu tak?” jerkah Kamil.

“Apa ni, Kamil? Kau jangan nak buat hal dengan aku. Kau nampak penumbuk aku!” jerkah Raja sambil mengacu penumbuk ke muka Kamil.

“Kalau kau berani kita lawan saja,” cabar Kamil.

“Aku tak takutlah. Kau ingat kau tu kuat sangat!” Raja menyahut cabaran itu.

“Eh, apa bising-bising ni?” tegur Cikgu Ridzuan, guru disiplin sekolah.

Apabila melihat Cikgu Ridzuan yang sedang berjalan menghampiri mereka, Kamil dan kumpulannya pun berundur dari situ.

“Kenapa, Raja?” tanya Cikgu Ridzuan.

“Tak ada apa-apa, cikgu,” jawab Raja ringkas.

“Kenapa, Hafizi? Mereka mengganggu awak lagi?” tanya Cikgu Ridzuan sambil memandang ke arah Hafizi.

“Tidak, cikgu!” jawab Hafizi sambil bangun.

“Kalau begitu pergi masuk ke kelas,” arah Cikgu Ridzuan lalu meninggalkan mereka berdua.

“Memang tak serik si Kamil ni, hari tu dia kena denda oleh Cikgu Ridzuan, hari ni nak cari gaduh lagi. Kali ni aku akan ajar dia habis-habisan. Biar dia tahu siapa Raja,” sungut Raja sambil menarik tangan Hafizi supaya bangun.

“Sudahlah tu, usah dilayan perangai Si Kamil tu. Kau bukannya tak tahu perangnya. Suka buat kecoh!” kata Hafizi perlahan.

Semasa Hafizi dan Raja berjalan ke kelas, Kamil sudah pun menunggu mereka berdua di muka pintu. Sebaik sahaja Hafizi masuk, Kamil terus menolak Hafizi sehingga terjatuh.

Dipetik daripada Tempang, antalogi *Kasut Kelopak Jantung*,
Tingkatan 1, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jawapan

Ayat	Jenis ayat
Hai, budak tempang!	Ayat seruan
Jangan tunjuk lagak di sini. Jangan kau ingat, kau bijak dan pandai dalam semua mata pelajaran, orang akan suka kepada kau.	Ayat perintah – jenis ayat larangan
Menyampah aku tengok muka kau, tahu tak?	Ayat tanya
Apa ni, Kamil?	Ayat tanya
Kau jangan nak buat hal dengan aku.	Ayat perintah – jenis ayat larangan
Kau nampak penumbuk aku!	Ayat seruan
Jerkah Raja sambil mengacu penumbuk ke muka Kamil.	Ayat penyata
Kalau kau berani kita lawan saja.	Ayat penyata
Aku tak takutlah.	Ayat penyata
Kau ingat kau tu kuat sangat!	Ayat seruan
Raja menyahut cabaran itu.	Ayat penyata
Eh, apa bising-bising ni?	Ayat tanya
Apabila melihat Cikgu Ridzuan yang sedang berjalan menghampiri mereka, Kamil dan kumpulannya pun berundur dari situ.	Ayat penyata
Kenapa, Raja?	Ayat tanya
Tak ada apa-apa, cikgu, jawab Raja ringkas.	Ayat penyata
Kenapa, Hafizi? Mereka mengganggu awak lagi?"	Ayat tanya
Tanya Cikgu Ridzuan sambil memandangi ke arah Hafizi.	Ayat penyata
Tidak, cikgu!, jawab Hafizi sambil bangun.	Ayat seruan
"Kalau begitu pergi masuk ke kelas."	Ayat perintah – jenis ayat suruhan
Arah Cikgu Ridzuan lalu meninggalkan mereka berdua.	Ayat penyata
Memang tak serik si Kamil ni, hari tu dia kena denda oleh Cikgu Ridzuan, hari ni nak cari gaduh lagi.	Ayat penyata
Kali ni aku akan ajar dia habis-habisan.	Ayat penyata
Biar dia tahu siapa Raja, sungut Raja sambil menarik tangan Hafizi supaya bangun.	Ayat penyata
Sudahlah tu, usah dilayan perangai Si Kamil tu.	Ayat perintah – jenis ayat suruhan
Kau bukannya tak tahu perangainya. Suka buat kecoh!	Ayat seruan
Kata Hafizi perlahan.	Ayat penyata
Semasa Hafizi dan Raja berjalan ke kelas, Kamil sudah pun menunggu mereka berdua di muka pintu.	Ayat penyata
Sebaik sahaja Hafizi masuk, Kamil terus menolak Hafizi sehingga terjatuh.	Ayat penyata

12.4 Cadangan Aktiviti

Bina dialog drama menggunakan pelbagai jenis ayat. Gunakan laras sastera atau kreatif dalam aktiviti ini.

13.0 RAGAM AYAT



STANDARD KANDUNGAN	
5.3 Memahami dan menggunakan ayat yang sesuai dalam pelbagai bidang.	
STANDARD PEMBELAJARAN	
DSKP KSSM BM Tingkatan 4	DSKP KSSM BM Tingkatan 5
	5.3.4 <u>Memahami dan menggunakan</u> ragam ayat yang betul mengikut konteks.

13.1 Definisi

Ragam ayat

Secara ringkas, ragam ayat dalam bahasa Melayu merujuk binaan ayat aktif dan ayat pasif. Ayat aktif mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal sebagai judul manakala ayat pasif pula mengutamakan objek tepat sebagai judul.

13.2 Penggunaan Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Pandelela Mencari Terjunan Baharu

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@nstp.com.my

SEPANG: Penerjun negara, Pandelela Rinong Pamg mahu mempelajari terjunan baharu. Menurut beliau, perkara ini perlu sebagai persediaan untuk menghadapi Sukan Olimpik Tokyo 2020. Banyak pesaing muda dikenal pasti olehnya semasa Kejohanan Dunia FINA ke-18 di Gwangju, Korea Selatan baru-baru ini.

Pingat perak dalam acara 10 meter platform seirama dibawa oleh Pandelela dan gandingannya, Leong Mun Yee bersama-sama pasukan terjun negara apabila mereka tiba di tanah air. Kejayaan pasukan terjun negara ini sekali gus telah menempah slot ke temasya terbesar dunia itu pada tahun depan.

"Saya akan tetap berlatih seperti biasa," kata Pandelega. "Teknik terjunan baharu akan saya pelajari bagi memberikan saingan lebih sengit kepada negara lain. Teknik terjunan baharu ini akan memberikan peluang lebih besar untuk mengutip mata." Tambah beliau lagi, "Pada masa ini, semua penerjun muda menggunakan darjah kesukaran yang tinggi."

Di Gwangju, gandingan berkenaan mengumpul 312.72 mata untuk menamatkan saingan di tempat kedua di belakang pasangan China. Pingat emas pula diraih oleh Lu Wei-Zhang Jiaqi selepas mengutip 345.24 mata. Pingat gangsa diraih pasangan Amerika Syarikat, Samantha Bromberg-Katrina Young dengan 304.86 mata.

"Sekarang ini China menukarkan gandingan lama kepada pasangan baharu yang lebih kecil, muda dan bertenaga. Jadi, skuad Malaysia kena berusaha lebih gigih dan perlu berlatih di luar negara untuk mempertingkatkan kemampuan kami. Bukan sahaja China, malah Mexico, Great Britain dan banyak negara lain lagi yang turut membuat perubahan," katanya apabila mengulas persaingan di Korea Selatan itu. Sementara itu, Mun Yee juga senada dengan Pandelega mahu berusaha lebih gigih untuk memperoleh peluang beraksi di temasya Olimpik kelima dalam kariernya di Tokyo.

Dipetik dan diubah suai daripada *Berita Harian Online* oleh Sukhairi Thani
<https://www.bharian.com.my/sukan/lain-lain/2019/07/587631/pandelega-cari-terjunan-baharu>

i. Contoh Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Ayat Aktif	Ayat Pasif
Penerjun negara, Pandelega Rinong Pamg mahu mempelajari terjunan baharu.	Banyak pesaing muda dikenal pasti olehnya semasa Kejohanan Dunia FINA ke-18 di Gwangju, Korea Selatan baru-baru.
*Perkara ini perlu sebagai persediaan untuk menghadapi Sukan Olimpik Tokyo 2020.	Pingat perak dalam acara 10 meter platform seirama dibawa oleh Pandelega dan gandingannya, Leong Mun Yee bersama-sama pasukan terjun negara apabila mereka tiba di tanah air.
Melalui teknik terjunan baharu ini akan memberikan peluang lebih besar untuk mengutip mata.	Teknik terjunan baharu akan saya pelajari bagi memberikan saingan lebih sengit kepada negara lain.
Semua penerjun muda menggunakan darjah kesukaran yang tinggi.	Pingat emas pula diraih oleh Lu Wei-Zhang Jiaqi selepas mengutip 345.24 mata.
Gandingan berkenaan mengumpul 312.72 mata untuk menamatkan saingan di tempat kedua di belakang pasangan China.	Pingat gangsa diraih pasangan Amerika Syarikat, Samantha Bromberg-Katrina Young dengan 304.86 mata.

- ii. Contoh penggunaan ayat aktif dan ayat pasif dalam petikan berita.

Sasar RM1.8 Bilion Hasil Pelancongan Kesihatan

Oleh Suzalina Halid
suzalina@nstp.com.my

KUALA LUMPUR: Kementerian Kesihatan menasaskan perolehan sebanyak RM1.8 bilion daripada sektor pelancongan kesihatan sepanjang tahun ini dengan jangkaan pulangan ekonomi keseluruhan membabitkan RM6 bilion. Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya optimis jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan kesihatan dapat meningkat sebanyak 25 peratus kerana RM1.5 bilion telah berjaya dicapai oleh sektor pelancongan daripada 1.2 juta pesakit yang datang ke negara ini untuk menerima rawatan perubatan sambil melancong.

Sektor pelancongan kesihatan antara yang paling pesat berkembang. Hal ini dikatakan demikian kerana, jumlah pelancong kesihatan meningkat iaitu 643,000 orang pada tahun 2011 kepada 1.2 juta orang pada tahun 2018. Secara tidak langsung, sektor pelancongan kesihatan telah menyumbang sebanyak RM3 bilion hingga RM4 bilion melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu. Menteri Kesihatan berkata, “pulangan pendapatan hasil daripada sektor pelancongan kesihatan ini sebanyak RM1.8 bilion kita nasaskan sepanjang tahun”. Melalui jumlah pulangan ini, sektor pelancongan kesihatan dijangkakan oleh beliau mampu memberikan pulangan ekonomi sebanyak RM6 bilion kepada negara. Hal ini disebabkan, kebanyakan pelancong akan menggunakan pelbagai perkhidmatan yang ada di sini. Selain itu, mereka juga sudah pasti akan turut berbelanja melalui penginapan, aktiviti pelancongan, aktiviti beli belah sepanjang mereka berada di sini.

Terdahulu, beliau merasmikan Persidangan Pelancongan Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan Asia Pasifik 2019 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini. Dalam ucapannya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, “beberapa buah negara telah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan antaranya Indonesia, China, India, Singapura dan United Kingdom. Sebanyak 60 peratus telah disumbangkan oleh negara Indonesia daripada jumlah keseluruhan pelancong dari negara-negara lain. Malaysia menerima permintaan tinggi daripada pelancong kesihatan untuk rawatan kesuburan dan kardiologi khususnya dari Indonesia, China, India, Vietnam dan Myanmar.”

Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad menambah, “pelbagai inisiatif akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan melalui Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020. Kementerian Kesihatan akan meningkatkan teknologi kaedah rawatan dalam usaha menarik lebih ramai kedatangan pelancong kesihatan ke negara ini. Teknologi rawatan di hospital milik kerajaan juga akan sentiasa ditingkatkan oleh pihaknya bagi memastikan rawatan yang diterima setanding dengan rawatan yang disediakan di hospital swasta di negara ini.

Selain itu, amalan baik juga perlu diamalkan oleh mereka supaya pelancong berasa selesa semasa mendapatkan perkhidmatan kesihatan di sini. Bagi tujuan tersebut, pihaknya turut menubuhkan Majlis Penasihat Kesihatan yang menampilkan tujuh orang pakar dan tokoh perubatan negara untuk mengurangkan jurang antara hospital kerajaan dan hospital swasta.”

Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian Online oleh Suzalina Halid
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/04/557114/sasar-rm18-bilion-hasil-pelancongan-kesihatan>

Ayat Aktif	Ayat Pasif
Kementerian Kesihatan menyasarkan perolehan sebanyak RM1.8 bilion daripada sektor pelancongan kesihatan sepanjang tahun ini dengan jangkaan pulangan ekonomi keseluruhan membabitkan RM6 bilion.	Pulangan pendapatan hasil daripada sektor pelancongan kesihatan ini sebanyak RM1.8 bilion kita sasarkan sepanjang tahun ini.
Sektor pelancongan kesihatan telah menyumbang sebanyak RM3 bilion hingga RM4 bilion melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun lalu.	Sektor pelancongan kesihatan dijangkakan oleh beliau mampu memberikan pulangan ekonomi sebanyak RM6 bilion kepada negara.
Kebanyakan pelancong akan menggunakan pelbagai perkhidmatan yang ada di sini.	Sebanyak 60 peratus telah disumbangkan oleh negara Indonesia daripada jumlah keseluruhan pelancong dari negara-negara lain.
Beliau merasmikan Persidangan Pelancongan Kesihatan dan Penjagaan Kesihatan Asia Pasifik 2019 yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini.	Pelbagai inisiatif akan dijalankan oleh Kementerian Kesihatan melalui Tahun Pelancongan Kesihatan Malaysia 2020.
Beberapa buah negara telah menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan kesihatan.	Teknologi rawatan di hospital milik kerajaan juga akan sentiasa ditingkatkan oleh pihaknya bagi memastikan rawatan yang diterima setanding dengan rawatan yang disediakan di hospital swasta di negara ini.
Malaysia menerima permintaan tinggi daripada pelancong kesihatan untuk rawatan kesuburan dan kardiologi.	Selain itu, amalan baik juga perlu diamalkan oleh mereka supaya pelancong berasa selesa semasa mendapatkan perkhidmatan kesihatan di sini.

iii. Contoh kesalahan

Salah	Betul	Penjelasan
Teknik terjunan baharu akan dipelajari oleh saya bagi memberi saingan lebih sengit kepada negara lain.	Teknik terjunan baharu akan saya pelajari bagi memberi saingan lebih sengit kepada negara lain.	Kata ganti diri pertama dan kedua tidak boleh menerima kata kerja dengan imbuhan pasif di-.
Banyak pesaing muda dia kenal pasti semasa Kejohanan Dunia FINA ke-18 di Gwangju, Korea Selatan baru-baru ini.	Banyak pesaing muda dikenal pasti olehnya semasa Kejohanan Dunia FINA ke-18 di Gwangju, Korea Selatan baru-baru ini.	Ayat pasif dengan kata kerja di- digunakan dengan frasa nama objek orang ketiga.
Slot ke temasya terbesar dunia itu telah gandingan ini tempah pada tahun depan.	Slot ke temasya terbesar dunia itu ditempah oleh gandingan ini pada tahun depan.	Kesalahan menggunakan rumus ayat pasif kata ganti nama diri pertama dan kedua dalam ayat pasif kata ganti nama diri ketiga.
Teknik terjunan baharu saya akan pelajari bagi memberikan saingan lebih sengit kepada negara lain.	Teknik terjunan baharu akan saya pelajari bagi memberikan saingan lebih sengit kepada negara lain.	Hukum aneksi persona menetapkan bahawa tidak ada unsur lain yang boleh hadir di antara kata ganti nama diri pertama atau kedua dengan kata kerja pasif.

13.3 Latihan Pengukuhan

- i. Tukarkan ayat pasif di bawah ini kepada ayat aktif tanpa mengubah maksud asalnya.
 - a. Ilmu pengetahuan, budi pekerti, dan kemahiran sosial sangat diperlukan oleh murid-murid untuk merealisasikan Pendidikan Abad Ke-21.

 - b. Jiran satu taman perumahan telah saya pelawa ke majlis rumah terbuka pada minggu depan.

 - c. Rukun Negara mesti kita patuhi demi menjamin keamanan dan keharmonian negara.

 - d. Perniagaan pembaikan telefon dijalankan oleh Encik Azman di pekan.

Jawapan

- a. Murid-murid sangat memerlukan ilmu pengetahuan, budi pekerti, dan kemahiran sosial untuk merealisasikan Pendidikan Abad Ke-21.
 - b. Saya telah mempelawa jiran satu taman perumahan ke majlis rumah terbuka pada minggu depan.
 - c. Kita mesti mematuhi Rukun Negara demi menjamin keamanan dan keharmonian negara.
 - d. Encik Azman menjalankan perniagaan pembaikan telefon di pekan.
- ii. Tukarkan ayat-ayat aktif yang diberi di bawah kepada ayat-ayat pasif.
- a. Harimau bintang itu menangkap seekor rusa yang sangat besar.

 - b. Lebu Raya Pantai Timur menghubungkan negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia.

 - c. Tiger Woods dari Amerika Syarikat memenangi kejuaraan golf pada pagi lalu.

 - d. Doktor pelatih di hospital itu menggunakan sarung tangan plastik ketika bertugas.

 - e. Kita mesti mematuhi undang-undang jalan raya agar kes kemalangan dapat dikurangkan.

Jawapan.

- a. Seekor rusa yang sangat besar ditangkap oleh harimau bintang itu.
- b. Negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia dihubungkan oleh Lebu Raya Pantai Timur.
- c. Kejuaraan golf dimenangi oleh Tiger Woods dari Amerika Syarikat pada pagi lalu.
- d. Sarung tangan plastik digunakan oleh doktor pelatih di hospital itu ketika bertugas.
- e. Undang-undang jalan raya mesti kita patuhi agar kes kemalangan dapat dikurangkan.

13.4 Cadangan Aktiviti

- i. Tulis perenggan karangan bertemakan perpaduan. Karangan tersebut mesti mengandungi pelbagai ragam ayat. Gunakan laras bahasa rencana semasa menjalankan aktiviti ini.
- ii. Tulis dialog bertemakan pelancongan. Dialog tersebut perlu mengandungi pelbagai ragam ayat. Gunakan laras sastera atau kreatif semasa menjalankan aktiviti ini.

PENGHARGAAN

Fazlinah binti Said	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Dr. Mazlan bin Ismail	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Isnazhana binti Ismail	Bahagian Pembangunan Kurikulum
Dr. Norhana binti Bakhary	Pejabat Pendidikan Daerah Seremban
Alex Leong Jun Wei	Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Utama
Mohd Rosle bin Said	Pejabat Pendidikan Daerah Sepang
Hamir bin Habeed Mohd Abdul Settar	Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya
Rohaida binti Mazlan	SMK Sungai Ramal, Kajang
Juwariah binti Ibrahim	SMK Seksyen 9, Shah Alam
Aneda binti Jamean	SMK Sijangkang Jaya, Kuala Langat
Noraihan binti Abdul Wahab	SMK Presint 16 (1), Putrajaya
Hjh. Sharifah binti Abd. Rahman	SMK Agama Kuala Selangor
Roslah binti Mohd Rani	SMK Agama Putrajaya, Putrajaya



Bahagian Pembangunan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4-8 Blok E9, Kompleks Kerajaan Parcel E
62604 Putrajaya
Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://bpk.moe.gov.my>